

Etika

Kuasa melakukan bisnis dengan betul



Powering Business Worldwide

• Memilih Kejayaan



“Dengan memahami maklumat yang terkandung di dalam panduan ini dan menggunakannya apabila diperlukan, anda telah membuat keputusan yang cermat untuk melindungi warisan turun-temurun ketulusan kita sementara membuat sumbangan yang sebenar kepada kejayaan masa depan kita.”

Kepada Para Pengarah, Pegawai dan Kakitangan:


Perusahaan terbaik di dunia memiliki tujuan yang jelas. Dengan perasaan yang jelas tentang visi dan misi mereka, mereka telah menetapkan matlamat yang bercita-cita tinggi dan mengejanya. Kejayaan adalah hasil kecermatan.

Dalam cara yang sama, Eaton telah mendapat reputasi globalnya bagi ketulusan dengan menjadikan etika satu keutamaan. Kita memupuk nilai-nilai yang betul dan menjadikan apa yang kita maksudkan jelas dengan bertindak dengan ketulusan dan Melakukan Bisnes dengan Betul.

Sebagai hasilnya, reputasi Eaton sebagai sebuah perusahaan yang beretika telah menjadi sesuatu sifat yang kukuh dan membezakan. Dengan terus memenuhi jangkaan tinggi yang kita letakkan atas diri kita sendiri, kita melindungi sebahagian penting apa yang menjadikan kita berjaya dengan unik di mata pelanggan, pembekal dan pekerja.

Eaton komited untuk memastikan anda mempunyai maklumat, bimbingan dan peralatan yang anda perlukan untuk memahami dan menjunjung piawai etika Eaton bagi tempat kerja, walaupun apabila amalan-amalan atau keadaan-keadaan tempatan mungkin mengaburi keputusan tersebut. Panduan etika ini merupakan sebahagian yang penting komitmen tersebut. Dipenuhi dengan contoh-contoh konkrit dan jelas, bimbingan yang praktikal, ia menentukan dan menyokong piawai perilaku etika kita di dalam interaksi harian dengan rakan sekerja dan pemegang saham luar.

Di Eaton, kita anggap cara bagaimana kita mencapai hasil kita sebagai ukuran kejayaan yang penting. Melakukan Bisnes dengan Betul adalah teras jenama Eaton dan merupakan tembok utama bagaimana kita membina reputasi kita di pasaran. Dengan memahami maklumat yang terkandung di dalam panduan ini dan menggunakannya apabila diperlukan anda telah membuat keputusan yang cermat untuk melindungi warisan turun-temurun ketulusan kita sementara membuat sumbangan yang sebenar kepada kejayaan masa depan kita.



Alexander M. Cutler
Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kandungan



Surat Pengerusi	2
Nilai-Nilai Eaton	6
Kod Etika	8
Pengenalan Siapa yang harus mematuhiinya.	12
Mematuhi Undang-undang	14
· Tanggungjawab peribadi	
· Import dan eksport	
· Undang-undang tempatan	
Kejujuran Mencatatkan dan Membentangkan Laporan Kewangan	18
Menghormati Hak Asasi Manusia ..	22
· Hak Asasi Manusia	
· Buruh Kanak-kanak	
· Buruh Paksa	
· Pampasan	
· Pemasukan	
· Persekitaran Bekerja	
· Pembekal	
· Kerakyatan	
Membekalkan Kualiti	28
Bersaing Secara Beretika	32
· Pesaing	
· Pelanggan	
· Pembekal	
Menghormati Kepelbagaian dan amalan pekerjaan yang adil	36
Menghindari percanggahan kepentingan	40
· Pekerjaan di luar	
· Bekerja untuk pembekal atau pelanggan	
· Bersaing melawan Eaton	
· Pemilikan bisnes-bisnes lain	
· Menggunakan maklumat dalaman	
· Kaum keluarga dan kawan-kawan	
· Keanggotaan lembaga	
· Hadiah	
Melindungi aset dan maklumat	46
· Aset fizikal	
· Sistem komputer	
· Kerahsiaan Data	
· Keperibadian Pekerja	
· Maklumat pemilikan	
Bertindak dengan ketulusan	54
· Undang-undang menentang rasuah	
· Rasuah, sogokan	
· Hadiah dan hiburan	
Jualan kepada kerajaan	62
· Kontrak kerajaan	
· Hubungan dengan kakitangan kerajaan	
Sumbangan politik	68
Alam sekitar, kesihatan dan keselamatan	72
· Keselamatan kakitangan	
· Pematuhan	
· Pengawasan alam sekitar	
· Pelanggan, pembekal dan kontraktor	
Tanggungjawab anda	78
· Jangkaan	
· Akibat	
Mendapatkan bantuan	82
· Hubungi Jabatan Etika dan Pematuhan	
· Apakah yang diharapkan	
Tiada Tindakbalas	86
Maklumat yang khusus kepada negara	89
Jabatan Etika dan Pematuhan Global	90

Nilai-nilai Eaton

Kita faham bahawa keupayaan kita untuk mencapai matlamat prestasi kita adalah bergantung kepada setiap seorang daripada kita me-meluk nilai-nilai teras kita:

Orientasi Pelanggan – Kita menjadikan pelanggan tumpuan segala yang kita lakukan.

Pekerja – Kita mengenalpasti kakitangan kita sebagai sumber kita yang paling dihargai

Kepercayaan – Kita mempunyai keyakinan di dalam kebolehpercayaan kepada orang lain untuk melakukan perkara yang betul.

Hormat – Kita melayan di antara satu sama lain dengan hormat dan bertimbang rasa.

Maruah – Kita menghormati kebanggaan dan harga diri orang lain.

Ketulusan – Kita jujur dan beretika.

Kita percaya bahawa kita mencapai “*Kecemerlangan menerusi Pekerja*” dengan mewujudkan dan mengekalkan tempat kerja yang berprestasi tinggi. Kita mendorong prestasi tinggi melalui Falsafah Eaton, yang menjadikan nilai-nilai teras kita kepada tanggungjawab kita terhadap satu sama lain, terhadap syarikat, terhadap pelanggan kita dan terhadap pemegang saham yang lain.

Kesihatan & Keselamatan

Kita komited kepada kesejahteraan semua pekerja.

Pampasan

Kita memberikan gaji dan manfaat yang wajar.

Kecemerlangan

Kita berusaha untuk menjadi yang terbaik.

Pembelajaran

Kita sentiasa belajar, berkembang dan berubah.

Kebertanggungjawaban

Kita menepati komitmen kita.

Inovasi

Kita menghargai idea-idea baru.

Pemasukan

Kita menghargai perbezaan individu.

Penglibatan

Kita adalah terlibat di dalam kerja kita dan komited terhadap masa depan Eaton.

Komunikasi

Kita berkomunikasi dengan terbuka dan jujur.

Alam Sekitar & Masyarakat

Kita berusaha untuk memperbaiki alam sekitar dan masyarakat kita.

Kod Etika

Korporasi Eaton mengkehendaki semua pengarah, pegawai dan kakitangan Eaton, anak syarikatnya serta syarikat gabungan ("Eaton") mematuhi semua prinsip-prinsip asas perilaku etika yang disenaraikan di sini semasa menjalankan tugas-tugas mereka.

- 1. Mematuhi undang-undang** – Kita menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perniagaan kita di seluruh dunia.
- 2. Kejujuran mencatatkan dan membentangkan laporan kewangan kita** – Kita menyimpan dan menjaga dengan baik, rekod-rekod kewangan dan lain-lain rekod bisnes yang tepat dan lengkap, dan menyampaikan laporan kewangan yang lengkap, adil, betul, tepat pada masanya dan mudah difahami. Kita telah memperkembangkan sistem kawalan dalaman yang telah direka untuk me-melihara ketulusan rekod-rekod dan maklumat kita.
- 3. Menghormati hak asasi manusia** – Kita menghormati hak asasi manusia dan mengkehendaki pembekal kita supaya berbuat demikian juga.
- 4. Membekalkan kualiti** – Kita komited untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti.
- 5. Bersaing secara beretika** – Kita memiliki kelebihan persaingan menerusi prestasi yang tertinggi. Kita tidak terlibat dalam amalan perdagangan yang tidak beretika atau yang haram.
- 6. Menghormati kepelbagaian dan amalan pekerjaan yang adil** – Di seluruh dunia, kita komited untuk menghormati angkatan tenaga pekerja dari pelbagai budaya menerusi amalan yang menyediakan kemasukan yang sama rata dan layanan yang adil kepada semua pekerja berdasarkan merit. Kita tidak akan membiarkan gangguan atau diskriminasi di tempat kerja.
- 7. Menghindari percanggahan kepentingan** – Kita menghindari perhubungan atau perilaku yang mungkin berkompromi dalam penilaian kita atau mewujudkan sesuatu percanggahan yang nyata atau yang jelas percanggahannya antara kepentingan peribadi kita dengan kesetiaan kita kepada Eaton. Kita tidak mahu menggunakan kedudukan kita dengan Eaton untuk mendapatkan sesuatu faedah secara tidak betul untuk diri sendiri ataupun untuk orang lain. Kita tidak terlibat dalam kegiatan-kegiatan atau memasuki perhubungan-perhubungan yang bersaing dengan Eaton.
- 8. Melindungi aset dan maklumat** – Kita menggunakan harta benda, maklumat dan peluang Eaton untuk tujuan bisnes Eaton dan bukan untuk penggunaan yang tidak dibenarkan. Kita kekalkan kerahsiaan maklumat dan data pekerja yang diamanahkan kepada kita oleh Eaton dan pihak lain.
- 9. Bertindak dengan ketulusan** – Kita tidak menawarkan atau menerima rasuah, sogokan atau hadiah atau hiburan yang tidak bersesuaian. Kita terlibat dalam amalan bisnes yang selaras dengan etika dan nilai-nilai kita.
- 10. Jualan kepada kerajaan** – Kita mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan khas yang berkaitan dengan kontrak kerajaan dan perhubungan dengan kakitangan kerajaan.
- 11. Sumbangan politik** – Kita tidak membuat sumbangan bagi pihak Eaton kepada calon-calon atau parti politik walaupun ianya sah dari segi undang-undang.
- 12. Alam sekitar, kesihatan dan keselamatan** – Kita komited untuk menjadi pemimpin global dalam menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja kita dan melindungi alam sekitar.

Melapor – Tertakluk kepada undang-undang tempatan, sesiapa sahaja boleh secara terbuka atau sulit melaporkan sebarang hal yang berkaitan dengan etika atau sebarang pencabulan undang-undang yang berlaku atau mungkin berlaku, termasuk sebarang hal perakaunan, kewangan, cukai atau menentang rasuah, kepada Jabatan Etika dan Pematuhan. Kerahsiaan akan dikekalkan setakat mana yang mungkin semasa membenarkan penyiasatan yang wajar dijalankan.

Laporan-laporan ini boleh dibuat melalui surat kiriman pos, e-mel atau telefon seperti yang dinyatakan di bawah:

- **Surat kiriman** –

Hantar surat ke:

Naib Presiden, Etika dan Pematuhan,
Eaton Corporation
1111 Superior Ave.
Cleveland, Ohio 44114 USA

- **E-mel** – Hantar e-mel ke Ethics@eaton.com atau gunakan borang leلمان web yang boleh didapati pada leلمان web Etika Global yang boleh dicapai melalui JOE (intranet Eaton) atau di leلمان web luar Eaton.
- **Telefon** – Hubungi Talian Bantuan Keutuhan Etika dan Kewangan dengan mendail 800.433.2774 dari AS dan Kanada. Dari negara-negara lain, dail nombor yang telah disenaraikan di dalam poster Etika tempatan anda atau di leلمان web Etika Global di JOE. Talian Bantuan ini adalah bebas tol, dan seorang wakil yang fasih dalam berbilang bahasa sentiasa ada 24 jam sehari 7 hari seminggu.
- **Sokongan berbilang bahasa** – Jika anda ingin, anda boleh menggunakan bahasa ibunda anda untuk menulis keprihatinan anda kepada salah satu alamat ini, dan kami akan menterjemahkan surat atau e-mel anda.

Eaton tidak akan membenarkan tindakbalas terhadap mana-mana kakitangan yang melaporkan hal-hal yang berkaitan dengan etika, undang-undang atau kewangan dan juga tidak akan mengenakan tindakan disiplin ke atas kakitangan yang membuat laporan dengan tujuan baik



Tanggungjawab peribadi

Setiap pengarah, pegawai dan kakitangan mempunyai tanggungjawab peribadi untuk membaca, mengetahui dan mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Kod Etika Eaton. Tertakluk kepada undang-undang tempatan, pematuhan terhadap prinsip-prinsip ini adalah satu syarat pekerjaan, dan kegagalan untuk mematuhi akan mengakibatkan tindakan disiplin tatatertib sehinggakan pelucutan jawatan.

Lembaga Pengarah akan menentukan, atau melantik kakitangan pengurusan yang sesuai bagi menentukan tindakan yang akan diambil sekiranya ada pencabulan Kod Etika. Tindakan sebegini akan dibuat secara wajar untuk mencegah segala perilaku yang salah dan menggalakkan perasaan bertanggungjawab bagi memastikan pematuhan kepada kod Etika.

Tertakluk kepada undang-undang tempatan, setiap pengarah, pegawai dan kakitangan wajib membawa kepada perhatian Eaton sebarang kegiatan yang dalam pertimbangannya akan mencabuli prinsip-prinsip ini. Laporan boleh dibuat kepada penyelia, atau ahli pengurusan yang lain, atau Jabatan Etika dan Pematuhan seperti yang dinyatakan di atas. Sebarang kemungkinan pencabulan juga boleh dilaporkan kepada pengerusi Jawatankuasa Audit atau Pihak Berkuasa Lembaga Pengarah atau secara langsung kepada semua Lembaga Pengarah, dengan surat melalui Naib Presiden, Etika dan Pematuhan, yang akan mengemukakan laporan tersebut.

Pengenalan

Tujuan Panduan Etika ini ialah untuk menolong semua kakitangan Eaton di seluruh dunia untuk mengetahui dan mematuhi Kod Etika dalam menjalankan tugas harian mereka. Ia tidak bertujuan untuk meliputi segala isu etika, tetapi untuk memberi anda panduan secara am bagi mencapai keputusan beretika dalam bisnes dan untuk mengarahkan anda ke sumber-sumber untuk mendapatkan bantuan selanjutnya. Tanya penyelia anda atau lihat di JOE, intranet Eaton, untuk petikan penuh dasar-dasar syarikat yang telah dirujuk di dalam panduan ini.

Siapakah yang harus mematuhi Kod Etika?

Kakitangan Eaton di seluruh dunia

Setiap pengarah, pegawai dan kakitangan (dirujuk secara bekumpulan dalam Panduan ini sebagai "kakitangan") mempunyai tanggungjawab sendiri untuk membaca, mengetahui dan mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung dalam Kod Etika ini.

Anak Syarikat, Syarikat gabungan dan entiti-entiti lain

Anak-anak syarikat, syarikat gabungannya dan entiti-entiti lain di mana Eaton mempunyai kuasa kepentingan hakmilik adalah dikehendaki untuk mematuhi Kod Etika ini. Misalnya, sebarang usaha sama di mana Eaton memiliki lebih daripada 50 peratus harus mematuhi Kod Etika kita. Entiti yang mana Eaton memiliki kepentingan sebanyak 10 peratus atau lebih dan tidak mempunyai kuasa kepentingan akan digesa untuk mengikut Kod Etika ini atau kod etika yang serupa.

Pihak Ketiga

Di mana berkenaan, Kod Etika Eaton akan dikenakan sama rata pada individu atau pihak yang digunakan untuk membantu atau memberi perkhidmatan untuk atau bagi pihak Eaton. Ini termasuk semua pekerja-pekerja pinjaman seperti kontraktor bebas, konsultan bisnes, pembekal perkhidmatan dan pekerja agensi.

Kita mengkehendaki pembekal-pembekal kita untuk mematuhi Kod Perilaku Pembekal.

Kita tidak membenarkan pihak ketiga untuk melakukan sesuatu bagi pihak kita yang kita dilarang untuk melakukan bagi diri kita sendiri.

Pertanyaan

- P. Bagaimana jika sesetengah daripada kepercayaan peribadi saya bercanggah dengan prinsip-prinsip beretika Eaton?**
- J.** Ia bukan tujuan Eaton untuk cuba mengubah kepercayaan peribadi anda. Walau bagaimanapun, kita berharap yang anda menggunakan prinsip-prinsip beretika Eaton untuk membimbing perilaku anda apabila menjalankan bisnes bagi pihak Eaton. Jika anda mempunyai soalan tentang sama ada anda boleh memenuhi jangkaan-jangkaan ini, berbincang tentang kebimbangan anda dengan penyelia anda atau hubungi Jabatan Etika dan Pematuhan.

1

Mematuhi undang-undang

Kita menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang bersangkutan dengan perniagaan kita di seluruh dunia.

Tanggungjawab peribadi anda

Sebagai seorang kakitangan Eaton anda adalah dikehendaki untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan kerajaan yang berkenaan di mana saja kita menjalankan perniagaan kita. Tekanan yang dirasakan daripada penyelia anda atau tuntutan akibat keadaan bisnes bukanlah alasan untuk tidak mematuhi undang-undang. Anda bertanggungjawab membangkitkan sebarang soalan atau keraguan anda mengenai sebarang tindakan yang dicadangkan kepada penyelia anda atau Jabatan Etika dan Pematuhan.

Kawalan Perdagangan Import dan Eksport Antarabangsa

Eaton mematuhi undang-undang, peraturan dan sekatan negara Amerika Syarikat dan negara lain yang dikenakan apabila mengimport dan mengeksport produk, perkhidmatan, maklumat atau teknologi. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini akan dianggap sebagai satu jenayah, dan hukuman kerana tidak mematuhi peraturan ini termasuklah denda untuk Eaton dan denda serta hukuman penjara bagi mana-mana pekerja yang melakukan kesalahan itu. Anda bertanggungjawab untuk mengetahui tentang undang-undang yang ada hubungkait dengan anda dan kegiatan kerja seharian anda, yang mungkin termasuk undang-undang negara lain selain dari lokasi anda sendiri.

Undang-undang dan amalan tempatan

Oleh kerana Eaton ialah sebuah korporasi Amerika Syarikat, ia mesti patuh kepada undang-undang Amerika Syarikat. Eaton juga tertakluk kepada undang-undang negara lain di mana kita menjalankan bisnes. Undang-undang tempatan sebuah negara boleh mempengaruhi cara kita menjalankan bisnes di sebuah negara yang lain. Sementara anda menjalankan bisnes Eaton, adalah penting bagi anda untuk memahami bukan sahaja undang-undang tempatan yang dikenakan terhadap anda di negara tempat tinggal anda tetapi juga bagaimana anda boleh dipengaruhi oleh undang-undang negara lain. Jika anda mengalami sebarang percanggahan di antara undang-undang ini, atau jika anda mendapati bahawa adat dan amalan bisnes atau sosial bercanggah dengan undang-undang ini, dapatkan bantuan.

Hormat

Pertanyaan

- P. Saya mengesyaki bahawa seorang pengedar menghantar bahan gantian ke sebuah negara yang saya percayai diharamkan atau disekat di bawah undang-undang eksport. Apakah yang harus saya lakukan?**
- J.** Menghantar bahan gantian ke negara-negara yang telah diharamkan atau disekat, walaupun melalui pengedar, boleh melanggar undang-undang di bawah undang-undang eksport kebanyakan negara di mana Eaton menjalankan bisnes. Peraturan yang mengawal penghantaran-penghantaran ini adalah sangat rumit, dan menentukan sama ada penghantaran tersebut adalah sah di sisi undang-undang memerlukan penyemakan fakta dengan teliti. Jika anda ragu-ragu sama ada produk Eaton dihantar ke negara yang telah disekat, atau sebelum anda memasuki sebarang urusan niaga yang mungkin melibatkan sebuah negara yang telah diharamkan atau disekat, hubungi Jabatan Undang-undang untuk bantuan dengan segera.
- P. Kadang-kala piawai dan dasar kita adalah lebih ketat berbanding dengan undang-undang tempatan negara saya. Mengapakah kita harus melakukan lebih dari apa yang dikehendaki oleh undang-undang tempatan?**
- J.** Eaton adalah komited untuk melakukan bisnes dengan betul, yang bermaksud kita melakukan perkara yang betul walaupun ia lebih ketat dari undang-undang tempatan atau jika adat tempatan atau amalan bisnes membenarkan pendekatan yang berbeza.

Contoh

Salah

- Seorang pekerja mendapati bahawa seorang pelanggan telah memberikan gambaran yang salah tentang peratus isi kandungan tempatan bahan gantian Eaton untuk memenuhi keperluan kerajaan. Pekerja tersebut tidak melakukan apa-apa, kerana dia tidak ingin kehilangan bisnes pelanggan ini.
- Seorang kerani penghantaran mendapati bahawa sejenis bahan gantian Eaton yang dalam perjalanan ke sebuah negara asing menggunakan teknologi yang telah disekat di bawah undang-undang kawalan eksport tempatan. Dia mendapati tiada apa yang menunjukkan bahawa lesen eksport yang diperlukan bagi teknologi tersebut telah diperolehi. Dia tidak menyoal penghantaran tersebut, membenarkannya diteruskan.

Betul

- Seorang pengurus mendapati bahawa sesuatu penghantaran akan ditukar haluan dari sebuah negara yang dibenarkan kepada sebuah negara yang telah disekat di bawah undang-undang kawalan eksport AS, dan memberhentikan penghantaran ini.
- Kegagalan peralatan mengugat penghantaran produk pada waktu yang tepat kepada pelanggan yang penting. Salah satu penyelesaian ialah untuk memindahkan pengeluaran ke kilang Eaton yang lain, tetapi ini memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada pelanggan serta pejabat-pejabat cukai dan kastam tempatan. Walaupun penghantaran telah tertangguh selama seminggu, pengurus kilang memastikan yang pasukannya mendapatkan kelulusan yang diperlukan sebelum memindahkan pengeluaran.



2 **Kejujuran mencatatkan dan membentangkan laporan kewangan kita**

Kita menyimpan dan menjaga dengan baik, rekod-rekod kewangan dan lain-lain rekod bisnes yang tepat dan lengkap, dan menyampaikan laporan kewangan yang lengkap, adil, betul, tepat pada masanya dan mudah difahami. Kita telah memperkembangkan sistem kawalan dalaman yang telah direka untuk me-melihara ketulusan rekod-rekod dan maklumat kita.



Kakitangan mesti:

- Memastikan bahawa buku-buku, rekod dan akaun kewangan yang menjadi tanggungjawab mereka, mencerminkan kebenaran urusan niaga dan mematuhi prinsip-prinsip penyimpanan akaun yang dikehendaki dan sistem kawalan dalaman Eaton.
- Tidak memalsukan sebarang dokumen atau menyalahgambarkan sifat sebenar sesuatu urusan niaga.
- Mematuhi dasar-dasar penyimpanan rekod Eaton.

Ketepatan

Pertanyaan

P. Apakah beberapa contoh rekod-rekod bisnes?

A. Rekod-rekod bisnes boleh merupakan dokumen elektronik atau kertas, termasuk:

- Rekod waktu kerja;
- Laporan ujian;
- Laporan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan;
- Data Keuntungan dan kos;
- Laporan Kewangan;
- Laporan perbelanjaan;
- Maklumat produk;
- Laporan kualiti; dan
- Rekod-rekod kelulusan pendidikan atau sejarah pekerjaan.

P. Apakah akibat dari laporan maklumat syarikat yang tidak jujur?

A. Mengemukakan maklumat yang palsu tentang kualiti, ujian, inventori, kewangan atau laporan-laporan lain seumpamanya boleh menyebabkan tindakan disiplin sehingga pelucutan jawatan. Perilaku seperti ini juga boleh menjejaskan reputasi kita dan menyebabkan tanggungan sivil atau jenayah bagi kakitangan tersebut dan syarikat.

P. Salah seorang daripada rakan sekerja saya telah memberikan laporan yang palsu tentang beberapa keputusan ujian yang utama, yang boleh mengakibatkan kegagalan produk yang serius. Bagaimanakah saya boleh membangkitkan isu ini tanpa merisikokan hubungan saya dengan rakan sekerja saya?

A. Bergantung pada keadaan, pengurus anda atau Sumber Manusia seharusnya dapat menyiasat apa yang telah terjadi tanpa mendedahkan penglibatan anda. Jika anda tidak selesa membangkitkan perkara ini dengan pengurus-pengurus tempatan, anda boleh melaporkan kebimbangan anda kepada Jabatan Etika dan Pematuhan.

P. Rakan sekerja saya yang baru tidak mempunyai pengalaman yang telah dilaporkan di dalam permohonannya. Apabila saya bertanya tentangnya dia berkata dia telah menokok tambah sejarah pekerjaannya untuk mendapatkan kerja ini. Dia berkata bahawa ia adalah tidak penting, selagi dia dapat membuktikan dirinya sendiri. Adakah ini betul?

A. Tidak. Pekerja yang menokok tambah sejarah pekerjaan mereka atau menyalahartafsirkan pendidikan mereka boleh dikenakan tindakan disiplin sehingga pelucutan jawatan. Pekerja yang memalsukan sejarah pekerjaan mereka mungkin sanggup memalsukan dokumen-dokumen yang lain juga. Secara tambahan, ia adalah tidak adil bagi orang lain yang memohon jawatan tersebut.

P. Salah seorang daripada rakan sekerja saya menyuruh saya untuk meluluskan invoice untuk perkhidmatan yang tidak dilakukan. Apakah yang harus saya lakukan?

A. Jika anda meluluskan invoice ini dengan pengetahuan yang kita tidak menerima perkhidmatan tersebut, anda telah membuat laporan palsu. Jika pembayaran telah dibuat akibat kelulusan daripada anda, ia boleh dianggap mencuri. Berbincang dengan rakan sekerja anda tentang kebimbangan anda. Jika anda tidak selesa berbuat demikian, hubungi pengurus anda, ketua kewangan tempatan atau Jabatan Etika dan Pematuhan tentang langkah seterusnya.



Contoh

Salah

- ❌ Untuk memenuhi sasaran jualan, pengurus kilang meminta pengawal untuk mencatatkan jualan yang besar pada hari terakhir bagi suku itu, walaupun tempahan tersebut tidak dihantar sehingga dua hari kemudian.
- ❌ Seorang wakil jualan mengemukakan resit-resit palsu dalam laporan perbelanjaannya bagi temu janji makan yang tidak dihidirinya.
- ❌ Seorang pekerja mendapati bahawa seorang pelanggan mengugut untuk mendakwa syarikat atas kerosakan sesuatu produk dan memadamkan semua mesejnya yang menyoal keputusan ujian produk tersebut.
- ❌ Seorang pengurus jualan membayar untuk keluarga seorang pelanggan bagi lawatan ke "Disney World" dan mencatatkan kos lawatan itu sebagai perbelanjaan penghasilan produk.

Betul

- ✅ Seorang kakitangan telah diminta oleh pengurusnya untuk menukar butiran laporan kemalangan. Kakitangan tersebut berasa tidak selesa tentang perbuatan itu dan meminta nasihat daripada seorang pengurus lain.
- ✅ Seorang pekerja baru mendapati bahawa rakan sekerjanya kerap menyalahafsirkan waktu kerja pada kad waktu mereka, dan berasa bimbang yang amalan tersebut telah diketahui dan diterima ramai di kilang ini. Dia tidak selesa berbincang dengan pengurus tempatan, jadi dia pun menghubungi Jabatan Etika dan Pematuhan untuk membincangkan amalan tersebut.
- ✅ Apabila seorang kakitangan menegur sesuatu kesilapan yang besar di dalam laporan inventori, pengurusnya mengaku kesalahannya, mengucapkan terima kasih kepadanya di atas tegurannya dan mengemukakan laporan yang telah diperbetulkan.
- ✅ Seorang pekerja mendapat tahu bahawa seorang pelanggan bergantung kepada spesifikasi produk dari panduan produk yang telah lapuk untuk membuat pembelian. Dia dengan segera memberitahu pelanggan tersebut tentang kesilapan itu.

3

Menghormati hak asasi manusia

Kita menghormati hak asasi manusia dan mengkehendaki pembekal kita supaya berbuat demikian juga.

Sebagai warga dunia dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, Eaton menghormati kemuliaan seseorang individu, keperluan masyarakat kita dan betapa kita terdedah kepada alam sekitar. Tanggungjawab Sosial Korporat merupakan satu pegangan yang begitu lama di Eaton dan merupakan satu nilai penting dalam cara kita menjalankan bisnes kita.

Hak Asasi Manusia

Kita sedar yang banyak organisasi dan suruhanjaya bebas telah mencadangkan agensi hak asasi manusia antarabangsa yang teras, seperti Persefahaman Sejagat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Kovenan Antarabangsa tentang Hak-hak Sivill dan Politik dan Kovenan Antarabangsa tentang Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Budaya. Agensi-agensi seperti ini secara amnya menurut prinsip-prinsip yang harus dihormati oleh bisnes dan menyokong hak-hak asasi manusia yang telah dikenal pasti dan tidak harus terlibat dengan penganiayaan hak-hak asasi manusia. Di Eaton, prinsip-prinsip penting ini adalah disepadukan di dalam nilai-nilai teras kita dan mengawal cara kita membawa diri setiap hari, serta apa yang kita kehendaki daripada pembekal-pembekal kita. Kita juga merupakan ahli dan menyertai Inisiatif Pelaporan Global, yang merupakan rangka pelaporan yang paling luas digunakan di dunia bagi prestasi tentang hak-hak asasi manusia, buruh, alam sekitar, menentang rasuah dan kerakyatan korporat.

Buruh kanak-kanak

Kita tidak akan mengambil kanak-kanak sebagai tenaga buruh. Kita mentakrifkan seorang kanak-kanak sebagai sesiapa yang di bawah umur 16 tahun. Jika undang-undang tempatan lebih ketat daripada dasar kita, kita akan mematuhi undang-undang tempatan. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan membenarkan kita menggunakan tenaga kerja di bawah umur 16 tahun, kita tidak akan berbuat demikian.

Buruh paksa

Kita melarang penggunaan sebarang buruh paksa atau buruh kontrak, penghambaan atau pengabdian.

Pampasan

Kita memberikan gaji dan manfaat yang menyamai atau melebihi keperluan undang-undang dan bersaing dengan piawai industri di negara-negara di mana kita menjalankan bisnes.

Pemasukan

Kita komited kepada amalan yang menyebabkan pemasukan semua kakitangan dan yang mengemukakan pekerjaan sama rata bagi semua individu yang berkecualan. Kita berusaha untuk mengekalkan persekitaran di mana setiap seorang daripada kita, tidak kira latar belakang budaya kita, jantina, kaum, warna kulit, agama, bangsa, umur, kerakyatan asal, kecenderungan seksual, hilang upaya, pangkat atau jawatan, boleh mencapai potensi kita sepenuhnya dan membuat satu perbezaan setiap hari.

Maruah

Persekitaran bekerja

Kita menggunakan Falsafah Eaton untuk menyuarakan kepercayaan kita terhadap kecemerlangan menerusi para pekerja, berdasarkan kepercayaan asas yang semua pekerja ingin menyumbangkan usaha mereka yang terbaik dan melakukan perkara yang betul. Dasar, amalan dan keputusan kita adalah berdasarkan kenyataan-kenyataan falsafah asas yang berikut:

- Kita komited terhadap kesejahteraan semua pekerja.
- Kita berusaha untuk menjadi yang terbaik dalam prestasi pekerjaan kita.
- Kita menghargai perbezaan individu.
- Kita berkomunikasi secara terbuka dan jujur.
- Kita memberikan gaji dan manfaat yang sewajarnya.
- Kita sentiasa belajar, bertumbuh dan berubah.
- Kita menghargai idea-idea baru.
- Kita terlibat dalam kerja kita dan komited terhadap masa depan Eaton.
- Kita berusaha untuk meningkatkan alam sekitar dan masyarakat kita.

Kita percaya bahawa semua kakitangan harus berurus dengan satu sama lain atau dengan sesiapa sahaja yang mereka berunding semasa bekerja dengan sikap hormat dan sopan.

Kita komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada pengaruh bahan-bahan terkawal yang tidak dibenarkan; termasuk dadah haram, tembakau dan arak.

Kita menyediakan persekitaran kerja berasaskan kepercayaan kepada kakitangan, di mana mereka bebas untuk bertanya soalan, memberikan maklum balas, melaporkan kebimbangan dan terlibat secara aktif dalam proses membuat keputusan.

Di mana pekerja diwakili oleh persatuan dan/atau majlis kerja, Eaton mengikut undang-undang tempatan apabila berurusan dengan wakil-wakil mereka.

Pembekal

Kita mengkehendaki pembekal kita supaya mematuhi Kod Perilaku Pembekal Eaton.

Kerakyatan

Kita menyokong masyarakat di mana kita tinggal dan bekerja. Sebagai warga negara korporat yang baik, kita berusaha untuk memperbaiki mutu hidup disokong dengan pembangunan pendidikan, kesihatan, dan tenaga manusia, pembangunan masyarakat dan lain-lain daya usaha tempatan yang berkaitan di mana kita menjalankan bisnes, dan dengan menyokong penglibatan secara sukarela kakitangan kita dalam daya usaha tersebut.



Pertanyaan

- P. Pelanggan dan pembekal kita kadang-kadang bertanya jika Eaton menyokong Persefahaman Sejagat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi hak asasi manusia yang lain. Bagaimanakah saya harus menjawab?**
- J.** Berikan mereka satu salinan Panduan Etika kita atau tujukan mereka ke lalaman web luar kita bagi satu salinan elektronik panduan tersebut. Jika anda diminta untuk menjawab sesuatu tinjauan tentang isu-isu ini, tanya Jabatan Undang-undang untuk bimbingan.
- P. Saya berasa tidak selesa apabila penyelia saya berlawak jenaka dengan menggunakan unsur-unsur perkauman dan kerakyatan. Apakah yang harus saya buat?**
- J.** Sebaik-baiknya, adalah lebih baik untuk memberitahu penyelia anda bahawa lawak jenakanya membuatkan anda berasa tidak selesa dan meminta supaya dia menghentikannya. Jika anda tidak selesa berbuat demikian, bangkitkan kebimbangan anda kepada Sumber Manusia.
- P. Bagaimanakah Eaton mendapat manfaat dari kepelbagaian?**
- J.** Kejayaan kita bergantung kepada keupayaan kita untuk menarik tenaga kerja yang terbaik dari kumpulan kemahiran bersilang budaya di dunia. Dengan menghargai perbezaan individu kita mendapat manfaat dari perspektif unik yang mencetuskan idea-idea inovatif dan keputusan yang lebih baik.
- P. Rakan usaha sama kita yang dimiliki negara tidak akan meluluskan calon-calon wanita yang kita syorkan untuk peranan operasi utama. Pada masa akan datang, haruskah kita berhenti mengesyorkan wanita bagi peranan-peranan seperti ini?**
- J.** Tidak. Mengecualikan wanita daripada calon-calon pengesyoran kita akan memberikan tanggapan yang kita bersetuju dengan diskriminasi. Dengan terus menonjolkan calon yang terbaik berdasarkan merit, kita mengukuhkan komitmen kita untuk mengupah tenaga kerja yang terbaik, tanpa mengambil kira jantina mereka.

- P. Pengurus baru saya sangat menakutkan, dan kadang-kala dia memalukan saya di depan rakan-rakan sekerja saya. Ini mungkin gaya dia, tetapi ia menjejaskan semangat saya. Adakah saya boleh berbuat sesuatu?**
- J.** Jika anda berasa bahawa anda tidak dilayan dengan cara yang profesional, berbincang dengan pengurus anda tentang bagaimana perilakunya menjejaskan semangat anda. Jika anda tidak selesa berbuat demikian, bangkitkan kebimbangan anda dengan pengurus lain atau Sumber Manusia.
- P. Saya mempunyai sebab untuk percaya bahawa salah seorang daripada pembekal utama kita menganiayai pekerja-pekerjanya dengan mendedahkan mereka kepada keadaan kerja yang merbahaya. Haruskah saya bimbang?**
- J.** Reputasi kita untuk melakukan bisnes dengan betul boleh dimusnahkan oleh tindakan rakan bisnes kita. Laporkan kebimbangan anda kepada pengurus anda supaya Eaton boleh menentukan tindakan yang wajar.



Contoh

Salah

- Para pekerja mempermainkan seorang rakan sekerja kerana kecenderungan seksualnya.
- Seorang pekerja wanita menerima gaji yang lebih rendah berbanding dengan rakan sekerja lelaki hanya kerana jantinya.

Betul

- Seorang wanita memohon jawatan juru teknik peralatan mesin yang biasanya dilakukan oleh lelaki. Wanita tersebut dipertimbangkan untuk jawatan itu berdasarkan hanya kepada kelulusannya.
- Seorang pembekal telah didapati menggunakan buruh kanak-kanak untuk membuat bahan gantian bagi Eaton. Eaton menukar kepada pembekal yang lain, walaupun kosnya lebih tinggi.

4

Membekalkan kualiti

Kita komited untuk menghasilkan produk berkualiti dan memberikan perkhidmatan berkualiti.

Kualiti ialah batu asas komitmen kita kepada pelanggan kita dan penting kepada keupayaan kita untuk bersaing. Komitmen kita kepada kualiti bermakna bahawa:

- Kita jadikan kualiti satu keutamaan tertinggi dalam kerja sehari-hari kita dan tumpukan kepada usaha pembaikan yang berterusan.
- Kita merencanakan, memperolehi sumber dan mengeluarkan produk kita untuk menepati atau melebihi komitmen kita kepada pelanggan kita.
- Kita membekalkan perkhidmatan kita dengan tumpuan terhadap inovasi dan keperluan pelanggan.
- Kita memastikan bahawa semua pemeriksaan dan ujian yang dikehendaki telah dijalankan, dan bahawa rekod-rekod yang berkenaan adalah lengkap, tepat dan benar.
- Kita merencanakan produk kita untuk menepati semua piawai dan peraturan yang dikenakan oleh kerajaan dan menjalankan ujian dengan kerap untuk memastikan pematuhan yang berterusan.
- Kita komited terhadap matlamat terakhir menuju kosong kerosakan dan kosong kesilapan.
- Secara individu kita bertanggungjawab mematuhi dasar-dasar kualiti, amalan dan peraturan yang bersangkutan dengan kerja kita.

Pertanyaan

P. Seorang pembekal menarik balik alat gantian dari penghantaran yang lalu kerana ia tidak memenuhi spesifikasi. Produk-produk yang mengandungi bahagian ini telah pun dihantar, tetapi penyelia saya berkata kita tidak perlu memaklumkan pelanggan kita kerana ia merupakan masalah pembekal. Saya rasa perbuatan ini tidak betul, tetapi saya tidak pasti jika saya harus berkata sesuatu. Apakah yang harus saya buat?

J. Jika anda mempunyai kebimbangan tentang sesuatu keselamatan atau isu kualiti sesuatu produk, jangan berdiam diri. Sementara kita semua adalah bertanggungjawab atas tindakan kita sendiri, komitmen bersama kita terhadap ketulusan bermakna kita harus bersuara jika kita mempunyai kebimbangan atau berasa yang kita diminta untuk melakukan sesuatu yang kita rasa adalah salah.

Kecemerlangan

P. Bagaimanakah saya boleh bertanggungjawab terhadap kualiti apabila terdapat tekanan yang begitu tinggi untuk melakukan apa sahaja demi menghantar produk tepat pada masanya?

J. Reputasi kita bagi kualiti adalah sangat penting. Walaupun kita semua harus melakukan apa yang diperlukan untuk memenuhi tarikh muktamad, ini tidak sesekali bermakna kita mengharapkan anda untuk mengambil risiko atau jalan pintas di samping kualiti. Jika anda merasakan tekanan seperti ini, berbincang dengan penyelia anda atau pengurus Kualiti di lokasi anda. Jika anda tidak selesai berbuat demikian, hubungi Jabatan Etika dan Pematuhan.

Contoh

Salah

- Seorang pengurus komoditi yang sedang mengendalikan projek pemerolehan sumber mendapati bahawa seorang pembekal yang telah dicadangkan tidak melengkapkan penilaian sistem kualiti yang diperlukan dengan markah yang boleh diterima. Berdepanan dengan tarikh muktamad, dia tidak mengendahkan kekurangan tersebut dan menambahkan pembekal itu ke dalam senarai pembekal yang diluluskan.
- Seorang kakitangan pengeluaran mendapati bahawa sesuatu alat kalis ksilapan yang diperlukan oleh pelanggan tidak berfungsi. Dia menghubungi penyelia dan diberitahu yang alat tersebut tidak begitu penting. Dengan berat hati, kakitangan tersebut kembali melakukan kerjanya dan pengeluaran diteruskan.

Betul

- Seorang kakitangan diminta untuk mengabaikan langkah-langkah dalam proses pemerolehan sumber global untuk menambahkan pembekal baru dengan cepat. Sebelum mengambil tindakan, dan tanpa takut kepada tindakbalas, kakitangan tersebut meminta pengurus-pengurus Kualiti dan Rangkaian Bekalan tempatan jika perkara ini adalah betul.
- Seorang penyelia mendapati yang bekalan sejenis skru di dalam inventori berkurangan. Sejenis skru yang pendek sedikit dengan saiz benang yang sama sedang digunakan di barisan pengeluaran yang bersebelahan. Menyedari kepentingan produk tersebut kepada pelanggan, penyelia itu meminta jurutera produk dan kualiti yang bertanggungjawab bagi barisan ini untuk menilai penggunaan skru yang lebih pendek ini, memutuskan ujian pengesanan yang berkenaan, dan melengkapkan rekod-rekod pertukaran penghasilan sebelum menggunakan skru dalam pengeluaran.



5

Bersaing secara beretika

Kita memiliki kelebihan persaingan menerusi prestasi yang tertinggi. Kita tidak terlibat dalam amalan perdagangan yang tidak beretika atau yang haram.

Kakitangan yang bekerja dalam bidang pemasaran, penjualan, pembelian atau pemilikan perlu sedar akan undang-undang dan peraturan ketidakpercayaan dan perdagangan. Ini juga memerlukan kesedaran daripada mereka yang menyertai dalam kesatuan perdagangan, ukuran rujuk atau kumpulan yang menetapkan piawai industri.

Layan pesaing secara beretika

Kakitangan mestilah menghindari:

- Perbincangan dengan pesaing: harga, kos, pengeluaran, keupayaan, produk, perkhidmatan, amalan membuat tawaran, kawasan jualan, saluran pengedaran, pembekal, pelanggan dan perkara-perkara lain yang bukan bersifat bisnes awam;
- Menggunakan taktik sehingga menghapuskan persaingan dalam pasaran di mana syarikat adalah yang terkemuka, termasuk menjual di bawah kos marginal dan lain-lain amalan yang membinasakan di mana kesannya ialah untuk menghapuskan persaingan;
- Menggunakan, atau meminta pihak yang lain untuk menggunakan, cara yang tidak betul untuk mendapatkan rahsia perdagangan pesaing, termasuk mencuri, mengambil, menghasilkan semula atau menggunakan tipu helah untuk mendapatkannya;
- Menggunakan rahsia perdagangan pesaing dengan pengetahuan anda; dan
- Menjual dengan cara negatif, memburuk-burukkan pesaing dan menyebarkan khabar angin yang tidak berasas.

Tanpa rundingan dengan Jabatan Undang-undang Eaton dan kebenaran yang sah daripada pengurusan di peringkat tertentu, pekerja tidak boleh:

- Berunding dengan pesaing mengenai pergabungan, pemilikan, penubuhan usaha sama atau pembelian bersama, pemasaran atau perjanjian yang bakal dibuat;
- Ukuran rujuk yang melibatkan pesaing;
- Menyertai dengan pesaing dalam kegiatan menetapkan piawai industri, atau kegiatan-kegiatan persatuan perdagangan; atau
- Menukar ganti maklumat dengan pesaing.

Layan pelanggan secara beretika

Kecuali diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Undang-undang Eaton, kakitangan tidak boleh:

- Meminta pelanggan untuk menjual semula atau memajak sesuatu produk atau perkhidmatan pada atau di atas paras harga tertentu;
- Kaitkan jualan atau pajakan sesuatu produk atau perkhidmatan kepada pembelian atau pajakan produk atau perkhidmatan lain;
- Memasuki satu rancangan eksklusif dengan pelanggan;
- Menghadkan pelanggan ke kawasan di mana mereka boleh menjual semula atau memajak produk atau perkhidmatan Eaton;
- Menghadkan pelanggan kepada siapa produk atau perkhidmatan boleh dijual semula atau dipajak; atau
- Bersikap pilih kasih antara pelanggan yang sedang bersaing berhubung dengan harga atau elaun yang ditawarkan pada barangan yang sama.

Layan Pembekal Secara Beretika

Kecuali diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Undang-undang Eaton, kakitangan tidak boleh:

- Kaitkan pembelian sesuatu produk atau perkhidmatan kepada jualan timbal balik sesuatu produk atau perkhidmatan;
- Memasuki satu rancangan eksklusif dengan pembekal; atau
- Menubuhkan sebarang jenis kumpulan atau kolektif yang membeli.

Pertanyaan

- P. Bolehkah saya memohon jawatan dengan pesaing untuk mengetahui tentang produk baru mereka?**
- J.** Tidak, memperolehi maklumat produk yang sulit dengan memberikan gambaran yang salah tentang niat anda merupakan perbuatan yang salah dan mungkin melanggar undang-undang. Mengumpulkan maklumat yang boleh didapati oleh orang awam tentang produk pesaing kita adalah wajar apabila dilakukan menurut undang-undang dan secara profesional. Jika anda mempunyai soalan tentang bagaimana anda boleh mendapatkan jenis maklumat bisnes seperti ini, hubungi Jabatan Undang-undang untuk nasihat.
- P. Seorang pekerja daripada seorang bakal pelanggan baru telah menawarkan untuk memberi tempahan yang besar kepada Eaton jika saya bersetuju untuk menghantar sebuah penjana ke rumahnya. Saya tidak ingin kehilangan bisnes ini, atau tempahan itu. Apa yang harus saya buat?**
- J.** Jangan berikan dia penjana tersebut. Ini merupakan satu bentuk rasuah, haram di kebanyakan negara dan bertentangan dengan Dasar Menentang Rasuah Eaton. Ingatkan pekerja tersebut tentang manfaat-manfaat menjalankan bisnes dengan Eaton, dan menimbangkan sama ada terdapat orang lain di pasukan pelanggan yang mungkin memutuskan bahawa tawaran kita ialah nilai yang lebih baik.
- P. Salah seorang daripada rakan sekerja saya kadang-kadang membuat kenyataan palsu tentang produk pesaing kita kepada para pelanggan. Dia mengatakan bahawa pelanggan tahu dia menokok tambah untuk mendapatkan sesuatu jualan, tetapi saya tidak berasa selesa. Apa yang harus saya buat?**
- J.** Pertama sekali, ingatkan rakan sekerja anda bahawa salah satu cara kita membina hubungan yang bertahan lama ialah melalui hubungan saling hormat dan saling dipercayai. Kita mendapatkan bisnes melalui prestasi yang tinggi dan dengan berkelakuan jujur dalam perbincangan produk kita. Jika anda tidak selesa berbincang dengan rakan sekerja anda tentangnya, maka bincang dengan pengurus anda atau Sumber Manusia.
- P. Saya mempunyai hubungan yang baik dengan kawan-kawan yang bekerja dengan pesaing kita. Adakah ia salah untuk mengadakan perbincangan sekali-sekala tentang apa yang berlaku di pasaran?**
- J.** Hindari perbualan atau kegiatan dengan kawan-kawan anda yang boleh dianggap tidak sesuai atau mungkin membawa kepada tuduhan kegiatan menentang persaingan. Perbualan tentang bisnes dengan para pesaing boleh dianggap sebagai perjanjian di antara para pesaing untuk memudaratkan pesaing secara haram.
- P. Jiran saya baru sahaja kehilangan pekerjaannya dengan salah seorang dari pesaing utama kita. Bolehkah saya bertanya kepadanya tentang produk-produk mereka oleh sebab dia tidak lagi bekerja dengan mereka?**
- J.** Sebelum menanyakan soalan, pastikan jiran anda memahami bahawa anda bukan ingin menanyakan tentang maklumat yang dirahsiakan atau dilindungi oleh perjanjian kerahsiaan dengan bekas majikannya.

Contoh

Salah

- ❌ Seorang pengurus meluluskan perjanjian dengan dua pesaing tentang kenaikan harga yang akan ditawarkan kepada pelanggan.
- ❌ Seorang pekerja yang baru di Eaton menggunakan kata kunci lamanya untuk memasuki laluan web bekas majikannya untuk melihat data sulit.

Betul

- ✅ Seorang pengurus pemasaran menghadiri satu mesyuarat persatuan perdagangan dan perbualan beralih ke cara untuk mengawal harga di pasaran. Dia mengumumkan bahawa perbincangan ini tidak sesuai dilakukan dan keluar dari bilik mesyuarat.
- ✅ Seorang jurutera baru daripada pesaing yang menduduki temuramah dengan Eaton menggambarkan kerjanya dalam produk baru yang mungkin berguna. Penyelia kejuruteraan meminta supaya dia menyimpan maklumat pesaing itu untuk dirinya sendiri.



6 **Menghormati kepelbagaian dan amalan pekerjaan yang adil**

kita komited untuk menghormati angkatan tenaga pekerja dari pelbagai budaya menerusi amalan yang menyediakan kemasukan yang sama rata dan layanan yang adil kepada semua pekerja berdasarkan merit. Kita tidak akan membiarkan gangguan atau diskriminasi di tempat kerja.



Kita menggunakan Falsafah Eaton untuk menyuarakan kepercayaan kita terhadap kecemerlangan menerusi para pekerja.

Kita menjalinkan persekitaran pemasukan yang menghormati perbezaan individu dan menghargai perspektif unik yang mencetuskan idea-idea yang inovatif dan keputusan yang lebih baik.

Kita percaya bahawa semua kakitangan harus berurus dengan satu sama lain atau dengan sesiapa sahaja yang mereka berunding semasa bekerja dengan sikap hormat dan sopan.

Kita komited kepada amalan yang memajukan pekerjaan sama rata bagi individu yang berkecukupan.

Pemasukan

Kita berusaha untuk mengekalkan persekitaran di mana setiap seorang daripada kita, tidak kira latar belakang budaya kita, jantina, kaum, warna kulit, bangsa, umur, kerakyatan asal, kecenderungan seksual, hilang upaya, pangkat atau jawatan, boleh mencapai potensi kita sepenuhnya dan membuat satu perbezaan setiap hari.

Pertanyaan

- P. Penyelia saya nampaknya lebih menyukai rakan-rakan sekerja saya kerana mereka mempunyai agama yang sama. Apakah yang harus saya buat?**
- J.** Adalah lebih baik jika anda berkongsi kebimbangan anda dengan penyelia anda, tetapi jika anda tidak selesa berbuat demikian, berbincang dengan pengurus Sumber Manusia tempatan anda.
- P. Terdapat khabar angin yang mengatakan bahawa salah seorang akauntan di dalam jabatan kami telah dinaikkan pangkat selepas dia membantu pengurus kami menyembunyikan suatu kesilapan besar. Adakah ini adil?**
- J.** Tidak, ia tidak adil, tetapi ia mungkin hanya khabar angin. Jika anda mempunyai kepercayaan dengan tujuan baik yang pengurus anda telah bertindak dengan tidak wajar, hubungi Sumber Manusia atau pengurus tempatan yang lain tentang kebimbangan anda. Anda tidak akan dikenakan tindakbalas.
- P. Kawan saya diupah oleh sebuah syarikat multinasional yang lain di dalam jawatan yang serupa dengan saya, dan dia mengatakan bahawa saya telah dibayar gaji yang kurang. Bagaimana saya hendak tahu jika ia adalah benar?**
- J.** Adalah mungkin yang kawan anda tidak mempertimbangkan pakej pampasan keseluruhan anda. Jika anda mempunyai soalan tentang pampasan anda, berbincang dengan pengurus anda.
- P. Pengurus saya mengkehendaki pasukan saya untuk mencapai kehadiran bulanan dan matlamat kualiti. Adakah ini gangguan?**
- J.** Bukan. Sementara pengurus anda memang dijangka untuk melayan anda dalam cara yang profesional, mengkehendaki anda untuk mencapai matlamat prestasi dalam cara yang adil dan selaras, bukan merupakan gangguan.

Contoh

Salah

- Seorang wanita tidak dipertimbangkan untuk sesuatu jawatan kerana dia telah bertunang dan agamanya menghalangnya daripada bekerja selepas berkahwin.
- Sebuah kilang telah memberikan kontrak perkhidmatan penjagaannya kepada sebuah syarikat kecil. Pengurus kilang mengesyaki yang sesetengah daripada pekerja penjagaan ini tidak dibenarkan secara sah untuk bekerja di dalam negara ini, tetapi dia tidak berbuat apa-apa.
- Hubungan yang tegang wujud di antara pekerja dari dua negara jiran. Seorang pengurus Sumber Manusia mengelak daripada mengupah orang dari salah sebuah negara tersebut kerana ia mungkin menjejaskan tempat kerja. Undang-undang tempatan tidak melarang keputusan pengupahan berdasarkan negara asal.
- Seorang penyelia terdengar beberapa orang pekerja menggunakan kata-kata yang menghina bangsa apabila merujuk kepada rakan sekerja yang tertentu dan tidak mengendahkan mereka.

Betul

- Seseorang yang mempunyai kecacatan keupayaan yang ketara memohon pekerjaan dan dipertimbangkan berdasarkan kelulusannya.
- Seorang penyelia wanita telah dinaikkan pangkat menjadi pengurus kilang berdasarkan merit, walaupun beberapa pekerja lelaki telah menyatakan ketidakpuasan tentang bekerja untuk seorang wanita.
- Dua pekerja melawat Sumber Manusia untuk melaporkan yang mereka telah nampak seorang pekerja lain membuat gerak isyarat yang mengancam terhadap rakan sekerja. Sumber Manusia menasihatkan pekerja yang membuat gerak isyarat tersebut bahawa tindakan keganasan, ugutan atau perilaku yang mengancam tidak akan dibiarkan, dan pekerja tersebut telah dikenakan tindakan disiplin.
- Seorang pengurus memberitahu Sumber Manusia yang dia sedang berpacaran dengan seorang rakan sekerja Eaton. Mereka berbincang sama ada hubungan tersebut mewujudkan sesuatu percanggahan kepentingan yang nyata atau ketara dan jika perlu untuk mengatur semula tugas atau menukar mana-mana pihak ke jawatan yang lain.

7

Menghindari percanggahan kepentingan

Kita menghindari perhubungan atau perilaku yang mungkin menjejaskan pertimbangan atau mewujudkan sesuatu percanggahan yang nyata atau yang jelas percanggahannya antara kepentingan peribadi kita dengan kesetiaan kita kepada Eaton. Kita tidak mahu menggunakan kedudukan kita dengan Eaton untuk mendapatkan sesuatu faedah secara tidak betul untuk diri sendiri ataupun untuk orang lain. Kita tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan atau memasuki hubungan yang bersaing dengan Eaton.

Percanggahan kepentingan berbangkit apabila kepentingan peribadi atau perilaku berkompromi atau menampakkan berkompromi terhadap kebolehan anda untuk bertindak bagi kebaikan kepentingan Eaton. Walaupun keputusan yang anda buat itu adil, orang lain tidak mungkin mempercayainya. Adalah penting bagi anda menjauhi situasi di mana kesetiaan anda mungkin berbelah bagi. Percanggahan kepentingan bukan selalunya jelas dilihat, dan keadaan individu ke individu mungkin berlainan. Berikut ialah berapa jenis pertikaian yang biasa berlaku.

Pekerjaan di luar atau kerja lain

Walaupun ia tidak mungkin mewujudkan percanggahan kepentingan, sebarang kerja yang dilakukan di luar bagi syarikat yang lain atau melalui bisnes anda sendiri mestilah diasingkan daripada pekerjaan anda di Eaton dan tidak seharusnya menjejaskan prestasi anda di tempat kerja. Bagi kebanyakan jawatan penyelia atau jawatan profesional di Eaton, hendaklah difahamkan bahawa kakitangan kita menumpukan masa sepenuhnya bekerja untuk tugas-tugas Eaton dan tidak seharusnya mengambil kerja sambil untuk majikan lain. Sebelum anda mempertimbangkan pekerjaan kedua, dapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada penyelia anda.

Bekerja untuk pembekal atau pelanggan

Berkhidmat untuk pembekal atau pelanggan Eaton semasa anda masih lagi kakitangan Eaton, sama ada sebagai pekerja, pakar runding atau dalam apa-apa tugas adalah satu percanggahan kepentingan.

Bersaing melawan Eaton

Anda tidak boleh melibatkan diri dalam bisnes atau kegiatan yang bersaing dengan sebarang produk atau kegiatan Eaton, sama ada sebagai kakitangan, pakar runding atau lain-lain tugas.

Pemilikan bisnes-bisnes lain

Kakitangan tidak boleh memiliki, secara langsung atau tidak langsung, kepentingan kewangan dalam mana-mana pelanggan, pembekal atau pesaing Eaton kerana kepentingan ini akan menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan percanggahan kepentingan dengan Eaton. Untuk tujuan ini, kepentingan kewangan ditakrifkan sebagai pemilikan lebih daripada satu peratus baki nilai sekuriti/modal sebuah bisnes lain. Sekiranya anda ada sebarang keraguan mengenai bagaimana sesuatu pelaburan mungkin ditanggapi, bincangkanlah dengan penyelia anda.

Hubungan



Menggunakan maklumat dalaman untuk tujuan perdagangan saham

Kakitangan yang mengendalikan maklumat sulit tidak dibenar menggunakan atau berkongsi maklumat tersebut untuk tujuan perdagangan saham. Menggunakan maklumat yang bukan untuk awam bagi mendapat faedah kewangan adalah salah dari segi undang-undang dan juga tidak beretika, dan mungkin menyebabkan anda dan orang lain dikenakan hukuman sivil atau jenayah, termasuk denda dan penjara.

Kaum keluarga dan kawan-kawan

Percanggahan kepentingan mungkin timbul sekiranya pasangan anda, saudara mara, atau kawan rapat anda bekerja, atau mempunyai kepentingan kewangan dalam pembekal atau bakal pembekal Eaton, pelanggan atau bakal pelanggan Eaton, atau pesaing. Ia juga merupakan percanggahan kepentingan bagi anda untuk mengupah saudara atau kawan rapat untuk bekerja untuk Eaton dalam apa cara sekalipun. Menghampiri percanggahan kepentingan juga hendaklah dielak. Jika anda ada saudara-mara atau kawan yang bekerja untuk pembekal atau bakal pembekal Eaton, pelanggan atau bakal pelanggan Eaton, atau pesaing beritahulah penyelia anda supaya sebarang masalah yang bakal timbul boleh dibincangkan dan dihindari.

Keanggotaan lembaga

Kakitangan tidak dibenarkan duduk dalam lembaga pengarah atau lembaga yang serupa untuk mana-mana syarikat yang mengambil keuntungan, kecuali anak syarikat Eaton, tanpa kebenaran khusus daripada pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Eaton. Perlantikan lembaga untuk anak cawangan Eaton dikendalikan menerusi saluran yang ditetapkan. Kebenaran pengerusi tidak diperlukan bagi kakitangan yang berkhidmat dalam lembaga atau pertubuhan masyarakat yang tidak mengambil keuntungan. Kakitangan yang berminat dalam perlindungan tanggungan kerana perkhidmatan mereka dalam lembaga atau pertubuhan masyarakat yang tidak mengambil keuntungan harus menghubungi naib presiden eksekutif dan kaunsel besar.

Hadiah kepada atau daripada pelanggan atau pembekal Eaton

Hadiah atau hiburan yang tidak bersesuaian atau keterlaluan kepada atau daripada pelanggan atau pembekal Eaton boleh mewujudkan percanggahan kepentingan. Rujuk kepada Dasar Hadiah dan Hiburan Eaton untuk panduan dan tanggungjawab pelaporan yang khusus.



Ingat:

Percanggahan kepentingan sebenar tidak semestinya ada untuk menimbulkan masalah. Apa-apa yang menghampiri percanggahan hendaklah dielak. Jika anda tidak begitu pasti mengenai apa yang anda boleh atau tidak boleh buat dalam bidang ini, dapatkan bantuan.



Pertanyaan

- P.** Sekarang saya telah mempunyai kerja yang hebat dengan Eaton, keluarga saya mengharapakan bantuan saya untuk diupah oleh Eaton juga. Mereka menaruh harapan terhadap saya, dan saya akan memalukan keluarga saya jika saya memberitahu mereka yang mereka tidak boleh memohon. Apakah yang harus saya buat?
- J.** Kejayaan Eaton bergantung kepada keupayaannya untuk menarik tenaga kerja yang terbaik. Jelaskan kepada ahli keluarga anda yang mereka boleh memohon jawatan di Eaton, tetapi anda tidak boleh mempengaruhi keputusan pengupahan atau menyebelahi mereka atau menyelia mereka secara peribadi. Mereka mempunyai peluang yang sama seperti orang lain untuk dipertimbangkan bagi pekerjaan.
- P.** Saya telah berkahwin dengan seorang wanita di mana keluarganya memiliki kepentingan yang besar di dalam salah seorang daripada pesaing kita. Adakah ini bermaksud saya mesti meletak jawatan dari Eaton?
- J.** Tidak. Bincangkan keadaan ini dengan penyelia anda, supaya masalah yang bakal terjadi dapat dielakkan.
- P.** Semasa merundingkan tempahan baru yang besar dengan presiden dari pesaing, dia memberikan petunjuk yang jika saya membantunya memenangi bisnes Eaton, dia akan menawarkan saya jawatan dengan syarikatnya, dengan sebuah kereta dan kenaikan gaji yang ketara. Saya dengan sopan menolak dan menjelaskan bahawa kita memilih pembekal berdasarkan merit dan penerimaan tawarannya adalah tidak betul. Haruskah saya memberitahu seseorang tentang apa yang berlaku?
- J.** Ya, beritahu penyelia anda dengan segera, untuk mengelakkan dari tanggapan yang anda terpengaruh oleh tawaran tersebut, dan supaya Eaton boleh mempertimbangkan semula keputusannya untuk berbisnes dengan pembekal ini.

Contoh

Salah

- Seorang pengurus meluluskan pembelian makanan bagi majlis makan malam syarikat dari restoran isterinya tanpa memberitahu sesiapa tentang kemungkinan percanggahan kepentingan itu.
- Seorang penyelia mengupah menantunya untuk bekerja secara langsung di bawahnya.
- Seorang pekerja menubuhkan sebuah syarikat yang bersaing dengan Eaton.
- Seorang pekerja menghadiri mesyuarat sulit, mendapati bahawa Eaton berancang untuk membeli sebuah syarikat dan kemudian dia membeli saham di dalam syarikat itu.

Betul

- Isteri seorang pengurus Rangkaian Bekalan telah diupah oleh seorang pembekal. Pengurus tersebut memaklumkan percanggahan kepentingan yang mungkin berlaku dan tindakan yang sewajarnya telah diambil.
- Seorang pembantu pentadbiran nampak draf laporan suku tahun Eaton. Pembantu tersebut tidak memberitahu sesiapa kandungan laporan itu.
- Seorang penyelia mengecualikan dirinya dari keputusan pengupahan yang melibatkan anak saudaranya dan memastikan anak saudaranya, jika telah diupah, tidak akan bekerja di jabatan penyelia tersebut.
- Sebaik sahaja dinaikkan pangkat menjadi ketua pasukan, seorang pekerja memberitahu penyeliannya bahawa dia sedang berpacaran dengan seorang rakan sekerja, supaya masalah-masalah yang mungkin terjadi boleh dibincangkan dan dielakkan.

8

Melindungi aset dan maklumat

Kita menggunakan harta benda, maklumat dan peluang-peluang Eaton untuk tujuan bisnes Eaton dan bukan untuk apa-apa penggunaan yang tidak dibenarkan. Kita kekalkan kerahsiaan maklumat yang diamanahkan kepada kita oleh Eaton atau lain-lain.

Aset fizikal

Anda bertanggungjawab menolong menjaga dan me-melihara harta benda Eaton, melindunginya daripada kerugian, kecurian dan penyalahgunaan. Di antara aset Eaton adalah harta benda fizikal seperti kemudahan, peralatan, alat-alat perkakas, bekalan pejabat dan komputer.

Anda menjaga aset fizikal Eaton dengan cara:

- Menggunakannya dengan betul di tempat kerja dan melindunginya semasa tidak diguna, seperti menyimpan perkakas di tempat yang selamat di tempat kerja;
- Menggunakan kad masuk elektronik seperti yang dibenarkan;
- Memberitahu Pihak Keselamatan tempatan tentang barang yang hilang atau dicuri; dan
- Memberitahu Pihak Keselamatan korporat tentang sebarang kegiatan jenayah yang diketahui atau disyaki atau ancaman terhadap Eaton, kakitangan atau asetnya.

Kepercayaan

Contoh

Salah

- Seorang pengendali mesin mengumpulkan sisa dari mesinnya untuk dibawa pulang bagi kegunaan peribadi.
- Seorang kakitangan meminjamkan kereta syarikatnya kepada seorang jiran.
- Pekerja menggunakan alat pengimpalan syarikat untuk membantu pengurus mereka memperbaiki pemotong rumputnya.

Betul

- Seorang pekerja mengingati rakan sekerjanya yang baru tentang peraturan keselamatan kerja dan menunjukkannya cara untuk menyimpan peralatannya di tempat yang selamat.
- Setelah mendapat tahu bahawa seorang pekerja telah mengancam untuk mencederakan rakan sekerjanya, seorang penyelia telah menghubungi Pihak Keselamatan dan Sumber Manusia.
- Seorang pekerja terdengar khabar angin yang beberapa pekerja sedang mengumpulkan sisa untuk dijual semula kepada penjual sisa tempatan. Dia membincangkan kebimbangannya dengan penyeliannya.

Komputer dan Lain-lain Sistem Maklumat

Eaton menggalakkan penggunaan perhubungan elektronik untuk berkongsi maklumat, berhubung dengan berkesan dan saling bertukar pendapat. Contoh-contoh perhubungan elektronik termasuk mel elektronik (Internet dan dalam), telefon, telefon bimbit, mel suara, kiriman papan berita elektronik, blog, mesej sembang, persidangan menerusi video, faks dan paparan pada laman web media sosial.

Perhubungan elektronik di Eaton bertujuan untuk kegiatan bisnes. Penggunaan peribadi secara iringan dibenarkan selagi ia tidak mengganggu prestasi kerja pekerja atau orang lain, tidak menjejaskan sistem komunikasi elektronik Eaton atau melanggar Dasar Komunikasi Elektronik, Hak Cipta Digital atau Media Sosial

Pekerja tidak boleh berkongsi ID Pengguna atau membenarkan kemasukan ke komputer, rangkaian, data atau sistem Eaton oleh sesiapa yang bukan pekerja Eaton.

Berikut adalah beberapa contoh pencabulan dasar Komunikasi Elektronik. Hak Cipta Digital atau Media Sosial Eaton:

- Berhubung dengan cara yang mengganggu, menyinggung perasaan, lucah atau mengancam;
- Mempromosikan barangan atau perkhidmatan yang tidak ada kaitan dengan bisnes Eaton;
- Permintaan dalam sebarang bentuk;
- Menghasilkan atau menghantar semula e-mel berantai;
- Pemalsuan;
- Menggunakan komunikasi elektronik untuk tujuan haram;
- Menyalurkan maklumat sulit syarikat seperti lukisan atau senarai harga produk yang baru kepada pihak yang tidak dibenarkan.
- Berkongsi atau menyimpan maklumat sulit syarikat, seperti pengumuman kewangan atau pemilikan, pada aset atau laman web yang tidak dibenarkan.
- Turunmuatkan atau menyimpan gambar lucah pada aset-aset Eaton;
- Memasang program perisian yang tidak berlesen atau tidak dibenarkan atau media digital yang tidak berlesen (fail-fail audio atau video) pada aset-aset Eaton;
- Berkongsi dan berkongsi melalui alatan perkongsian "peer-to-peer";
- Menyambungkan perkakasan atau alat yang tidak dibenarkan ke rangkaian atau sistem e-mel Eaton.

Sementara media sosial dan alat komunikasi yang lain terus berkembang, pekerja adalah digalakkan untuk merujuk kepada dasar Komunikasi Elektronik dan Media Sosial Eaton dari semasa ke semasa untuk panduan tentang apa yang dianggap betul.



Pertanyaan

- P. Bolehkah saya berkongsi fail dengan menggunakan rangkaian “peer-to-peer” pada komputer Eaton saya?**
- J.** Tidak, berkongsi fail melalui rangkaian “peer-to-peer” mempunyai risiko yang sangat tinggi kerana ia mendedahkan komputer anda kepada kemungkinan kehilangan kerahsiaan dan kawalan lain. Hilang kawalan seperti ini mendedahkan komputer anda dan rangkaian Eaton kepada kemungkinan kerahsiaan, gangguan perkhidmatan, kecurian dan kegiatan haram yang boleh mengakibatkan tanggungan kepada anda dan syarikat.
- P. Saya menggunakan pemacu USB untuk menyimpan penyampaian seorang pelanggan sementara dalam lawatan bisnes, dan kemudian kehilangan pemacu tersebut. Apakah yang harus saya buat?**
- J.** Bincangkan apa yang berlaku dengan penyelia anda supaya anda boleh memastikan jika anda perlu memaklumkan kepada pelanggan tentang kehilangan maklumat tersebut.
- P. Sementara bercuti, bolehkah saya membenarkan pasangan saya menggunakan komputer Eaton saya untuk melihat e-melnya?**
- J.** Membenarkan orang lain menggunakan komputer Eaton anda, walaupun hanya untuk melihat e-mel mereka, memberikan mereka akses kepada semua fail dan e-mel yang anda ada pada komputer anda, dan itu bukan sesuatu tindakan yang baik. Gunakan pertimbangan yang wajar dan fikirkan risiko yang terlibat apabila membuat keputusan seperti ini.
- P. Selepas memberikan komen di bilik sembang luaran tentang bagaimana penjana kecemasan Eaton saya telah membantu saya semasa gangguan elektrik baru-baru ini, saya telah dihubungi oleh akhbar tempatan untuk menceritakan kisah saya. Adakah ini okey?**
- J.** Pastikan untuk memberitahu akhbar tersebut yang anda merupakan seorang kakitangan Eaton dan anda hanya memberikan pandangan peribadi anda tentang penjana tersebut. Adalah penting untuk ingat bahawa di dalam zaman elektronik sekarang, memaparkan maklumat pada papan berita Internet atau memberikan komen di dalam bilik sembang bukan kepunyaan Eaton seumpama bercakap dengan pihak media. Jika anda memberikan komen, yang positif ataupun yang negatif, tentang Eaton atau produk-produknya di media sosial peribadi anda mesti mengenalkan diri anda sebagai seorang kakitangan Eaton dan jelaskan bahawa pendapat anda adalah pandangan anda semata-mata. Rujuk kepada Dasar Media Sosial Eaton atau fungsi Komunikasi Luarnya untuk bimbingan.

Contoh

Salah

- Seorang pekerja menggunakan komputer Eaton untuk memuat turun versi set Microsoft Office yang tidak dibenarkan tanpa terlebih dahulu berbincang dengan jabatan IT.
- Seorang pekerja memaparkan maklumat tentang pemilikan yang dicadangkan pada laman web rangkaian sosial.
- Seorang pekerja menghantar semula e-mel yang mengandungi nama dan gaji para pekerja ke akaun e-mel bukan Eaton.

Betul

- Selepas seorang pekerja menerima e-mel berantai daripada rakan sekerjanya, dia mengingatkan mereka tentang Dasar Komunikasi Elektronik.
- Seorang pekerja, yang telah menyalin maklumat kewangan sulit Eaton ke komputernya di rumah untuk membuat kerjanya dari rumah, mendapati bahawa tindakan tersebut adalah tidak dibenarkan dan memberhentikan amalan itu.

Kerahsiaan data dan perlindungan maklumat pekerja

Eaton komited dalam menghormati privasi pekerjaanya. Ia adalah dasar syarikat yang maklumat dan data peribadi yang dihantar, disimpan atau diproses adalah dilindungi dari pendedahan yang tidak dibenarkan atau tidak diingini, digunakan hanya bagi tujuan bisnes yang sah dan dikendalikan mengikut undang-undang. Eaton mempunyai langkah-langkah keselamatan dan prosedur-prosedur kawalan kemasukan untuk memastikan bahawa data peribadi hanya boleh dicapai oleh mereka yang mempunyai tanggungjawab langsung dalam fungsi tugas yang berkenaan dan mereka yang dikehendaki untuk tahu. Eaton mengakui bahawa kebanyakan negara di mana ia beroperasi mempunyai undang-undang kerahsiaan data yang khusus tentang pengendalian data peribadi, dan Eaton adalah komited untuk mematuhi undang-undang tersebut.

Keperibadian Pekerja

Pekerja mempunyai hak asas kepada keperibadian tentang tempat kerja fizikal mereka, seperti almari, kubikel, meja, pejabat, kabinet fail dan kotak peralatan, dan maklumat peribadi yang boleh disimpan pada alat-alat elektronik mereka yang dimiliki syarikat, seperti telefon dan komputer. Walau bagaimanapun, Eaton mempunyai hak untuk memeriksa barangan peribadi seorang pekerja di atau semasa memasuki kawasan syarikat dan untuk memeriksa semua harta benda syarikat, dengan mematuhi dasar dan piawai dalaman dan undang-undang tempatan.

Contoh

Salah

- Oleh sebab perasaan ingin tahu, seorang penyelia memeriksa meja orang bawahannya.
- Dua orang pengurus membincangkan masalah perubahan seorang pekerja di bilik makan.

Betul

- Seorang pekerja mendapati penilaian prestasi telah tertinggal pada mesin fotokopi dan mengembalikannya kepada pemiliknya tanpa dibaca.
- Seorang pengurus baru menghubungi Sumber Manusia untuk membincangkan cara yang betul untuk mengendalikan data peribadi.



Maklumat Pemilikan

Maklumat pemilikan mestilah dikendalikan dengan cermat. Ini termasuklah harta intelektual, seperti:

- Proses dan formulasi
- Cap perdagangan,
- Rahsia perdagangan dan kepandaian;
- Bahan yang boleh dihakcipta.
- Pelan bisnes, pemasaran dan perkhidmatan;
- Idea kejuruteraan dan pembikinan;
- Sistem, termasuk Sistem Bisnes Eaton;
- Rekabentuk dan lukisan;
- Database dalaman;
- Rekod pekerja;
- Maklumat gaji; dan
- Data dan laporan kewangan yang belum diterbitkan.

Penggunaan tanpa izin atau pendedahan maklumat pemilikan Eaton adalah dilarang dan mungkin salah dari segi undang-undang atau di bawah kuasa pelbagai undang-undang atau peraturan privasi.

Simpan dan lindungi maklumat sensitif dan jadinya boleh didapati apabila diperlukan, menghalang pengambilan, penggunaan atau pembuangannya tanpa izin.

Tanganilah maklumat pemilik pihak ketiga (seperti paten, cap perdagangan, rahsia perdagangan dan hakcipta) dengan jagaan yang sama, untuk menghindari tuduhan bahawa Eaton, menggelapkan, mencabul atau menyalahgunakan maklumat tersebut.



Pertanyaan

- P.** Baru-baru ini kami mengalami penumpahan di kilang, yang mendapatkan perhatian yang tinggi di masyarakat kami. Jiran saya bekerja dengan akhbar tempatan, dan telah meminta supaya saya menceritakan kisah saya tentang apa yang telah berlaku. Apakah yang harus saya buat?
- J.** Jawab dengan sopan, tetapi beritahu dia bahawa terdapat jurucakap yang telah ditugaskan yang akan menghubunginya untuk memberikan maklumat. Beritahu pengurus kilang anda supaya dia boleh berbincang dengan jabatan Komunikasi tentang bagaimana untuk bertindak balas.

Salah

Contoh

- Semasa berada di dalam keretapi yang sesak, seorang pekerja bercakap dalam telefon bimbitnya dengan teliti tentang rekabentuk produk baru yang sulit.
- Bekerja di rumah, seorang jurutera Eaton memperbaiki produk Eaton dan secara rahsia menawarkan idea tersebut kepada salah seorang daripada pelanggan Eaton.

Betul

- Seorang pekerja mencadangkan idea penjimatan tenaga bagi kilang. Idea tersebut telah dipertimbangkan dan dilaksanakan.
- Seorang penyelia mengingatkan seorang pekerja baru supaya tidak menggunakan maklumat sulit bekas majikannya dalam menjalankan tugasnya di Eaton.

9

Bertindak dengan ketulusan

Kita tidak menawarkan atau menerima rasuah, sogokan atau hadiah atau hiburan yang bersesuaian. Kita terlibat dalam amalan bisnes yang selaras dengan etika dan nilai-nilai kita.

Undang-undang menentang rasuah

Eaton komited untuk mematuhi undang-undang menentang rasuah yang melarang rasuah, sogokan atau tindakan-tindakan tidak beretika yang lain untuk mendapatkan atau mengekalkan bisnes atau mendapatkan sebarang kelebihan yang tidak wajar. Kebanyakan negara telah menggubal undang-undang ini. Dalam kes-kes tertentu, seperti Akta Amalan Rasuah Asing AS dan Akta Rasuah UK, undang-undang ini tertakluk kepada perilaku Eaton di seluruh dunia. Kedua-dua akta ini melarang rasuah yang dibayar oleh pekerja-pekerja Eaton dan sesiapa atau syarikat yang bertindak bagi pihak Eaton di mana-mana Eaton menjalankan bisnes.

Undang-undang menentang rasuah menjadikannya suatu jenayah untuk membayar, menawarkan atau memberikan apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan, parti politik atau pegawai, calon kerajaan dan di sesetengah keadaan, kepada syarikat atau individu, bagi tujuan rasuah untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan mereka. Pencabulan undang-undang ini boleh menyebabkan Eaton atau pekerja Eaton kepada tanggungan jenayah atau sivil atau kedua-duanya, termasuk hukuman penjara dan denda dan penalti yang tinggi.

Rasuah, sogokan atau pembayaran lain yang dilarang di seluruh dunia

kakitangan Eaton dilarang secara langsung atau tidak langsung untuk menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk rasuah atau sogokan atau pembayaran tidak beretika yang lain, atau apa-apa yang bernilai, kepada atau daripada sesiapa atau mana-mana organisasi, termasuk agensi-agensi kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan, syarikat-syarikat peribadi atau pekerja dari syarikat-syarikat peribadi tersebut dalam mana-mana keadaan.

Larangan terhadap rasuah dan sogokan dan pembayaran tidak beretika yang lain dikenakan di seluruh dunia – tanpa pengecualian dan tanpa pertimbangan kepada apa yang dilihat sebagai adat, amalan tempatan atau keadaan bersaing. Ia juga dikenakan sama rata kepada mana-mana wakil jualan, wakil-wakil, perunding, pengedar dan rakan bisnes lain yang bertindak bagi pihak Eaton, serta usaha sama. Semua rakan bisnes, termasuk wakil-wakil, perunding, broker, kontraktor, pembekal, usaha sama atau sekutu atau mana-mana orang tengah yang lain atau ejen yang bertindak bagi pihak Eaton, adalah diharapkan untuk mematuhi undang-undang menentang rasuah yang berkenaan sementara menjalankan bisnes bagi pihak Eaton.



Rujuk kepada
Dasar Menentang
Rasuah Di
Seluruh Dunia
Eaton untuk
bimbingan lanjut.

Hormat

Pertanyaan

- P. Saya menjalankan banyak bisnes dengan sebuah syarikat yang dimiliki oleh kerajaan. Adakah pekerja-pekerja syarikat ini dianggap sebagai pegawai kerajaan?**
- J.** Ya. Definisi pegawai kerajaan adalah agak luas dan termasuk pekerja syarikat yang dimiliki oleh negara. Rujuk kepada Dasar Menentang Rasuah bagi definisi sepenuhnya.
- P. Saya mendapat tahu satu khabar angin yang salah seorang daripada ejen kita mungkin terlibat dalam amalan bisnes yang tidak beretika, tetapi saya tidak tahu sebarang maklumat yang khusus. Apakah yang harus saya buat?**
- J.** Tumpukan perhatian kepada tuduhan atau khabar angin tentang kelakuan yang tidak bersesuaian daripada ejen-ejen kita. Eaton mungkin dipertanggungjawabkan bagi perilaku mereka, walaupun jika kita tidak membenarkannya atau tidak tahu yang ia sedang berlaku. Adalah penting untuk menyiasat ketulusan ejen yang dicadangkan sebelum menjalankan bisnes dengan mereka. Kontrak bertulis kita dengan ejen harus memberikan kita keupayaan untuk mengaudit perkhidmatan mereka, mengesahkan pematuhan mereka kepada undang-undang dan menamatkan kontrak jika mereka terlibat dalam amalan-amalan bisnes yang tidak beretika. Hubungi Jabatan Undang-undang untuk nasihat tentang tindakan seterusnya.
- P. Saya ingin mendapatkan seorang perunding untuk memberikan perkhidmatan di sebuah negara di mana rasuah adalah berleluasa. Bagaimanakah saya hendak memastikan bahawa perunding ini akan mempertahankan etika dan nilai-nilai kita sementara berjalan bisnes bagi pihak Eaton?**
- J.** Eaton menjalankan ketekunan wajar yang berpatutan sebelum mendapatkan khidmat perunding pihak ketiga untuk menilai jika mereka mempunyai kemahiran, bakat dan sumber yang mereka perlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan untuk memastikan bahawa mereka akan bertindak dengan ketulusan sementara menjalankan bisnes bagi pihak Eaton. Hubungi Jabatan Undang-undang untuk bantuan sebelum anda mendapatkan khidmat perunding atau pihak ketiga yang lain untuk menjalankan bisnes bagi pihak Eaton.
- P. Apakah itu rasuah?**
- J.** Rasuah adalah wang atau apa-apa yang bernilai (seperti perkhidmatan atau hadiah) yang ditawarkan atau diberikan secara tidak beretika atau haram untuk mempengaruhi penilaian atau perilaku pihak ketiga atau untuk menyebabkan keputusan atau tindakan yang diinginkan.
- P. Apakah itu sogokan?**
- J.** Sogokan adalah sejenis rasuah yang khusus. Ia merupakan sebarang wang, pembayaran, komisen atau apa-apa yang bernilai yang diberikan untuk mendapatkan dengan tidak bersesuaian atau menganjarkan layanan baik yang berkaitan dengan sesuatu kontrak, projek atau usaha yang lain. Contoh sogokan ialah jika seorang pembekal bersetuju untuk membayar seorang pekerja Eaton sebahagian dari wang yang diterima oleh pembekal tersebut daripada Eaton sebagai balasan bagi pengurniaan kontrak tersebut kepada pembekal itu.
- P. Seorang wakil pelanggan telah bersetuju untuk memasuki perjanjian pembekalan jangka panjang, tetapi hanya jika kita bersetuju untuk rebet satu peratus dari harga pembelian kepada pelanggan tersebut bagi setiap 1,000 alat gantian yang dipesan. Saya memahami bahawa sogokan adalah salah, tetapi adakah ia wajar untuk bersetuju kepada rebet?**
- J.** Terdapat sesetengah keadaan di mana ia adalah wajar untuk merebet sebahagian dari harga pembelian kepada pelanggan, berdasarkan jumlah pembelian, asalkan rebet tersebut dibenarkan oleh undang-undang tempatan, dapat dikesan dengan betul dan dibayar secara langsung kepada syarikat pelanggan dan bukan kepada wakil syarikat tersebut. Jika pelanggan meminta anda untuk membayar sebahagian dari harga pembelian kepadanya secara peribadi sebagai tukaran kerana memberikan anda bisnes tersebut, itu merupakan sogokan dan tidak bersesuaian. Hubungi Jabatan Undang-undang dengan permintaan-permintaan seperti ini jika anda tidak pasti jika ia adalah bersesuaian.

- P. Saya telah diminta untuk memberikan lawatan ke taman bertema sebagai balasan untuk pesanan seorang pelanggan. Saya dengan sopan telah menolak permintaan itu dan kita masih menerima pesanan itu. Adakah saya masih perlu memberitahu sesiapa tentangnya?**
- J.** Ya, ia sentiasa tindakan yang baik untuk memberitahu penyelia anda apabila sesuatu seperti ini berlaku, untuk mengelakkan masalah lanjut dengan pelanggan ini.
- P. Adakah Eaton akan melepaskan sesuatu peluang bisnes jika ia berisiko merosakkan reputasi kita?**
- J.** Ya, kita akan berbuat demikian. Reputasi kita untuk ketulusan adalah terlalu penting untuk dirisikokan bagi sesuatu peluang bisnes, tidak kira betapa penting.



Contoh

Salah

- Eaton memperoleh kepentingan di sebuah syarikat di negara di mana rasuah berleluasa tanpa sebarang kajian semula atau pertimbangan tentang amalan bisnes syarikat atau reputasi bagi kejujuran.
- Seorang pengurus meminta pembekal membaiki dan penyelenggaraan untuk memperbaiki rumahnya pada kos yang rendah untuk komen penilaian pembekal yang memuaskan.

Betul

- Selepas rundingan beberapa bulan yang menelan banyak belanja dan memakan banyak masa di antara seorang pengurus Jualan Eaton dan seorang kontraktor kerajaan yang besar, Eaton telah dikurniakan satu kontrak. Sebelum menandatangani kontrak itu, seorang ahli pasukan kontraktor meminta rasuah daripada pengurus Jualan. Pengurus tersebut dengan segera menghubungi penyeliannya dan Jabatan Undang-undang untuk bimbingan. Pengurus itu kembali kepada orang yang meminta rasuah itu dan menolak tawarannya. Dia menegaskan komitmen Eaton dalam melakukan bisnes dengan betul dan mengingatkan orang tersebut tentang faedah kualiti, teknologi dan keupayaan perkhidmatan Eaton. Pengurus tersebut mengesahkan semula komitmen untuk menandatangani kontrak tersebut tetapi tanpa sebarang bayaran. Kontrak itu telah ditandatangani.
- Seorang pembekal menawarkan seorang pekerja Rangkaian Bekalan Eaton pembayaran tunai untuk mempercepatkan proses kelulusan pembekal. Pekerja Rangkaian Bekalan tersebut dengan sopan menolak tawaran itu dan dengan segera melaporkan rasuah yang bakal berlaku itu kepada penyeliannya.

Hadiah dan hiburan

Hadiah dan hiburan yang sederhana biasanya digunakan dalam bisnes untuk menjalin dan memperkukuhkan hubungan kerja dengan pembekal, pelanggan dan rakan-rakan bisnes yang lain. Memandangkan ini, Eaton telah menubuhkan Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia untuk diikuti oleh pekerja apabila menawarkan atau menerima hadiah, hiburan atau lawatan. Ia adalah sangat penting bagi pekerja supaya mematuhi dasar ini apabila melakukan bisnes atau dalam perbincangan bisnes dengan pegawai kerajaan dan entiti yang dimiliki oleh kerajaan.

Menawarkan atau Menerima Hadiah

Pada amnya kakitangan Eaton boleh menawarkan dan menerima hadiah asalkan hadiah-hadiah ini adalah sah di sisi undang-undang dan:

- Tidak memberikan tanggapan atau kewajipan yang pemberi hadiah tersebut berhak mendapat layanan istimewa;
- Tidak akan memalukan Eaton atau rakan bisnes tersebut jika diumumkan
- Mematuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh pengurusan tempatan, jika ada; dan
- Telah diluluskan dan dimaklumkan, seperti yang dikehendaki oleh Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia.



Menawarkan hadiah kepada pegawai kerajaan atau kakitangan entiti yang dimiliki oleh kerajaan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang rumit. Pekerja yang bekerja dengan kakitangan atau pegawai kerajaan mesti mengikuti Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia.

Pertanyaan

- P. Adakah saya dibenarkan untuk menerima hadiah sebagai sebahagian dari upacara istiadat?**
- J.** Anda dibenarkan untuk menerima hadiah di upacara istiadat asalkan hadiah tersebut tidak dapat dianggap sebagai sesuatu rasuah atau pembayaran dan tidak melanggar sebarang undang-undang. Mungkin terdapat situasi di mana anda menerima hadiah pada upacara istiadat yang mungkin tidak bersesuaian di bawah Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia tetapi ia adalah tidak praktikal ataupun memudaratkan untuk menolak. Jika anda menerima hadiah seperti ini, laporkan hadiah tersebut kepada pengurus anda dengan segera supaya anda boleh membincangkan tindakan yang sewajarnya.
- P. Adakah ia berpatutan untuk meminta seorang pembekal untuk membawa saya pergi bermain golf atau ke acara-acara sukan yang lain?**
- J.** Adalah tidak berpatutan sama sekali untuk meminta hadiah, sagu hati, bantuan atau barang-barang lain yang memanfaatkan anda secara peribadi, tanpa mengira nilainya.



- P. Saya bekerja di fungsi Rangkaian Bekalan dan telah memupuk hubungan yang rapat dengan salah seorang daripada pembekal kita. Apabila dia mengetahui bahawa anak saya balik dari kolej, dia menawarkan untuk mengupah anak saya untuk cuti penggal. Haruskah saya menolak tawarannya?**
- J.** Ya. Terdapat dua sebab yang bagus untuk menolak tawaran itu. Pertama sekali, tawaran pekerjaan ialah manfaat yang boleh dianggap sebagai sesuatu hadiah dan mungkin memberi tanggapan bahawa pembekal itu layak untuk layanan istimewa oleh anda. Kedua, jika pada masa yang akan datang, anda memberikan pembekal itu bisnes baru, ia mungkin kelihatan seperti dia menerima bisnes itu sebagai tukaran bagi mengupah anak anda.
- P. Saya sedang mengemaskini bilik air di rumah saya secara bersendirian, dan salah seorang daripada kontraktor Eaton menawarkan untuk membantu saya dengan memberikan saya nombor akaunnya untuk mendapatkan diskaun pada bahan pembinaan. Oleh kerana ini adalah kerja ubahsuai peribadi di rumah saya sendiri, bolehkah saya menggunakan diskaun kontraktor ini?**
- J.** Diskaun adalah serupa dengan wang tunai yang tidak boleh diterima sebagai hadiah di bawah dasar ini.

Ia adalah tidak berpatutan sama sekali untuk menawarkan atau menerima:

- Hadiah atau wang tunai atau sesuatu yang berupa wang tunai;
- Hadiah yang telah dilarang oleh undang-undang;
- Hadiah yang telah diberikan sebagai rasuah, pembayaran atau sogokan;
- Hadiah yang anda tahu adalah dilarang oleh organisasi rakan bisnes dan
- Hadiah yang diberikan dalam bentuk perkhidmatan atau manfaat-manfaat yang bukan berupa wang tunai.

Contoh

Salah

- Seorang pekerja menghadiri jamuan selepas kerja yang dianjurkan oleh seorang pembekal Eaton, di mana pekerja tersebut telah memenangi dua tiket penerbangan ulang-alik ke Hawaii. Pekerja tersebut tidak memaklumkan hadiah itu kepada penyeliannya dan menggunakan tiket itu.

Betul

- Seorang pengurus kilang ingin menawarkan hadiah kepada seorang pegawai kerajaan tempatan untuk meraikan persaraannya. Pengurus itu menghubungi pejabat pegawai tersebut dan mendapati bahawa terdapat had kewangan pada nilai hadiah yang pegawai itu boleh terima. Pengurus kilang membeli barangan kecil dengan logo Eaton dari kedai syarikat yang di dalam had kewangan tersebut.

Hiburan

Pekerja yang berada dalam kedudukan untuk menawarkan atau menerima hiburan mesti membiasakan diri mereka dengan Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia Eaton dan undang-undang yang berkenaan. Hiburan yang melibatkan pekerja Eaton mesti:

- Be infrequent and comply with the Worldwide Travel Expense Policy;
- Be in good taste and occur at a business-appropriate venue;
- Be reasonable and appropriate in the context of the business occasion;
- Not be a bribe, payoff or kickback or otherwise illegal;
- Not create the appearance that Eaton or the business partner is entitled to preferential treatment; and
- Be approved and disclosed as required by the Worldwide Gift and Entertainment Policy.

Pertanyaan

- P. Adakah menemani pelanggan saya ke sesuatu acara sukan dianggap sebagai hadiah atau hiburan di bawah Dasar Hadiah dan Hiburan?**
- J.** Jika anda menemani pelanggan, ia adalah dianggap sebagai hiburan. Jika anda memberikan tiket tersebut kepada pelanggan, tiket itu adalah dianggap sebagai hadiah. Dalam mana-mana satu kes, hadiah atau hiburan tersebut adalah dirangkumi dalam Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia.
- P. Saya ingin membawa seorang pelanggan saya ke persembahan orkestra, tetapi saya mendapat tahu bahawa syarikatnya tidak membenarkan hiburan yang melebihi 20 euro. Jika dia bersetuju untuk menghadirinya, bolehkah saya membawa dia ke persembahan itu?**
- J.** Jika nilai tiket anda melebihi 20 euro, ia adalah tidak bersesuaian bagi anda untuk membawa dia ke persembahan itu. Jangan menawarkan hadiah atau hiburan apabila anda tahu yang ia adalah dilarang oleh syarikat penerima.

Contoh

Salah

- Seorang pembekal menawarkan untuk menerbangkan seorang pekerja Eaton ke kilangnya untuk memperbaiki isu-isu kualiti yang berulang. Pembekal tersebut memberikan pekerja itu persinggahan di Las Vegas selama dua hari yang dibayar sepenuhnya sebagai ganjaran bagi usahanya dalam menyelesaikan masalah yang disebabkan oleh isu-isu kualiti itu.

Betul

- Anda menjemput dan menemani seorang pelanggan ke majlis makan malam dan persembahan teater untuk meraikan sesuatu projek yang sudah tamat.

Alat Pemakluman dan Pelaporan Hadiah

Untuk kejelasan tentang amalan hadiah dan hiburan di seluruh Eaton, hadiah, hiburan dan perjalanan tertentu mesti dimaklumkan melalui Alat Pemakluman dan Pelaporan Hadiah, sejenis alat dalam talian yang boleh dicapai melalui JOE.

Pertanyaan

P. Bagaimanakah saya memaklumkan hadiah dan kegiatan-kegiatan hiburan jika saya tidak mempunyai akses ke Alat Pemakluman dan Pelaporan Hadiah?

J. Beritahu pengurus anda, yang bertanggungjawab untuk memastikan yang maklumat berkaitan dengan kegiatan-kegiatan sebegini dikumpulkan dan dilaporkan melalui alat pemakluman.

P. Bolehkah seorang penyelia menetapkan keperluan bagi pekerja-pekerjanya yang lebih ketat dari yang terdapat di dalam Dasar Hadiah dan Hiburan?

J. Ya.



Menawarkan hiburan dan perjalanan kepada pegawai kerajaan atau pekerja entiti yang dimiliki oleh kerajaan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang rumit. Pekerja yang bekerja dengan pekerja atau pegawai kerajaan mesti mengikuti Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia.

Hiburan di bawah *tidak sekali-kali* bersesuaian untuk ditawarkan atau diterima.

- Hiburan “dewasa”, atau mana-mana perkara yang melibatkan ketelanjangan atau perilaku cabul, walaupun jika hiburan tersebut adalah diterima dalam budaya;
- Hiburan yang rakan bisnes tidak dibenarkan untuk memberi atau menghadiri; dan
- Hiburan yang dilarang oleh pengurusan tempatan atau undang-undang.

10

Jualan kepada kerajaan

Kita mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan khas berhubung dengan kontrak kerajaan dan perhubungan dengan kakitangan kerajaan.



Kakitangan yang terlibat dalam pemasaran, penjualan, berkontrak dengan dan bekerja dalam projek di mana kerajaan adalah terlibat mestilah:

- Memastikan segala dokumen disimpan menurut keperluan khas kerajaan;
- Mematuhi proses-proses perakaunan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) proses-proses yang memastikan data kos dan harga, mana yang diperlukan, adalah yang semasa, tepat, lengkap, diperlihatkan dengan betul, didokumenkan dan disimpan dalam fail-fail yang betul;
- Memerlukan subkontraktor, perunding, wakil jualan, pengedar dan kontraktor bebas untuk mematuhi undang-undang dan peraturan;
- Tahu dan patuhi dasar-dasar dan tatacara Eaton yang berhubung dengan kontrak kerajaan dan berurusan dengan kakitangan kerajaan; dan
- Jangan buat penggantian yang tidak dibenarkan bagi barangan dan perkhidmatan yang sudah pun mendapat kontrak atau menyimpang daripada keperluan kontrak tanpa kebenaran bertulis daripada pegawai kerajaan yang diberi kuasa.

Pencabulan pada keperluan kontrak kerajaan boleh mendatangkan akibat yang serius bagi Eaton dan pekerja yang terlibat. Akibat-akibat ini boleh termasuk penyekatan sivil dan/atau jenayah, dan melarang Eaton dari bekerja lanjut dalam kontrak-kontrak kerajaan.

Kontrak Kerajaan

Kerajaan-kerajaan wilayah, negara dan tempatan di seluruh dunia mempunyai undang-undang dan peraturan pemerolehan yang khusus. Pekerja mesti mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan bagi semua kontrak kerajaan.

Kerajaan mungkin mengenakan peraturan khas perilaku yang mungkin berlainan dan lebih ketat daripada amalan perdagangan yang boleh diterima. Bidang-bidang yang berikut ini memerlukan perhatian khas:

- Pemasaran,
- Akaun,
- Menyimpan rekod,
- Pelaporan dan/atau pengesahan;
- Rangkaian bekalan; dan
- Kualiti.

Beberapa kegiatan yang memerlukan kepatuhan tegas terhadap peraturan-peraturan tertentu adalah:

- Perakaunan untuk kos;
- Tatacara cadangan dan tawaran;
- Harga;
- Menghindari percanggahan kepentingan organisasi;
- Memberikan hadiah atau hiburan kepada pegawai-pegawai kerajaan;
- Membincangkan kemungkinan pekerjaan dengan para pegawai kerajaan yang kini dan/atau bekas;
- Menukar tempahan;
- Menjaga dan mengekalkan rekod masa;
- Kepatuhan kepada tanggungjawab; dan
- Pengendalian maklumat sulit.



Apabila Eaton menggunakan pembekal atau subkontraktor untuk menepati perjanjiannya di bawah kontrak kerajaan, kakitangan Eaton yang terlibat bertanggungjawab menyampaikan semua keperluan khas kerajaan kepada pembekal atau subkontraktor ini. Sebagai tambahan, Eaton komited untuk memilih hanya pembekal atau subkontraktor yang bertindak dalam cara yang selaras dengan garis-garis panduan yang diterangkan di sini.

Kakitangan Eaton dan sesiapa atau syarikat yang bertindak bagi pihak Eaton di mana-mana Eaton melakukan bisnes harus ingat bahawa, sebagai tambahan kepada pematuhan undang-undang di negaranya sendiri, mereka juga mesti mematuhi undang-undang AS tertentu yang mempunyai 'kesan tambahan kawasan' Undang-undang ini termasuk Akta Amalan Rasuah Asing AS, undang-undang yang berhubung dengan maklumat sulit AS, dan undang-undang yang berhubung dengan maklumat sulit, dan undang-undang yang berhubung dengan kawalan eksport AS. Misalnya, sebuah cawangan Eaton di United Kingdom mengeluarkan bahagian-bahagian untuk produk yang ada kaitan dengan pertahanan AS juga harus mematuhi undang-undang AS sama seperti korporasi induk AS.

Hubungan dengan kakitangan kerajaan

Kerajaan negara atau tempatan biasanya melarang atau mengenakan sekatan tegas terhadap hadiah, hiburan, bantuan, saguhati dan perjalanan yang ditawarkan atau diterima oleh kakitangan kerajaan. Rujuk kepada Dasar Hadiah dan Hiburan Seluruh Dunia Eaton bagi bimbingan sebelum menawarkan hadiah, hiburan, bantuan, saguhati atau perbelanjaan lain atau pendermaan amal kepada seorang pegawai kerajaan.

Jika kerja anda melibatkan bisnes dengan kerajaan, anda bertanggungjawab mengetahui dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan. Jika anda tidak pasti mengenai undang-undang yang dikenakan kepada anda, tanya penyelia anda.



Rujuk kepada Dasar Menentang Rasuah Seluruh Dunia Eaton untuk bimbingan lanjut.

Pertanyaan

- P. Jika saya percaya saya memerlukan latihan tambahan yang berkaitan dengan kontrak kerajaan, apakah yang harus saya buat?**
- J.** Kita sedar bahawa ini ialah sesuatu bidang yang sangat terkawal dan rumit. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan supaya anda boleh memikul tanggungjawab bagi kualiti kerja yang anda lakukan, jadi berbincang dengan penyelia anda atau hubungi Jabatan Undang-undang jika anda fikir anda memerlukan lebih banyak latihan untuk menjalankan tugas anda.
- P. Apakah yang harus saya buat jika saya tidak pasti sama ada saya boleh menawarkan hiburan, makanan atau perjalanan kepada pekerja kerajaan yang bekerja dengan saya dalam projek saya?**
- J.** Jangan menawarkan sesuatu sehingga anda mengesahkan yang ia adalah bersesuaian. Jika anda memerlukan bantuan dalam mengenal pasti apa yang bersesuaian, hubungi Jabatan Undang-undang.
- P. Penyelia saya meminta saya untuk menandatangani sijil perakaunan semasa ketiadaannya. Saya tidak pasti jika saya mempunyai kuasa untuk menandatangani. Bagaimanakah saya harus menanganinya?**
- J.** Minta penyelia anda untuk mengesahkan yang anda mempunyai kuasa untuk menandatangani dokumen tersebut. Jika dia tidak pasti, minta bantuan dari Jabatan Undang-undang. Anda tidak seharusnya menandatangani atau mengesahkan pematuhan syarikat dengan undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan kecuali jika anda mempunyai kuasa yang khusus untuk berbuat demikian.
- P. Seorang pegawai kerajaan yang baru dilantik telah meminta satu lawatan ke kemudahan kami. Perlantikannya telah melibatkan banyak kontroversi di dalam masyarakat tempatan kami, dan lawatannya mungkin menyinggung perasaan tenaga kerja kita. Adakah saya harus membenarkan lawatan ini?**
- J.** Aturkan permintaan seperti ini dengan naib presiden kanan Eaton, Hal Ehwal Awam dan Masyarakat, atau dengan Jabatan Undang-undang.
- P. Salah seorang daripada kawan saya akan bersara dari jawatannya dengan kerajaan dan akan merupakan tambahan yang baik kepada pasukan projek baru saya. Bolehkah saya memberitahunya tentang peluang ini?**
- J.** Untuk menghindari risiko-risiko undang-undang, hubungi Sumber Manusia atau Jabatan Undang-undang sebelum sebarang perbincangan yang melibatkan pekerjaan dengan bekas pekerja kerajaan atau yang kini.

Contoh

Salah

- Eaton sedang dipertimbangkan bagi sesuatu kontrak kerajaan yang besar. Eaton telah mengupah anak orang yang akan membuat keputusan jika kontrak tersebut akan diberikan kepada Eaton.
- Eaton dikehendaki untuk memperlihatkan maklumat kos dalam sebut harganya. Eaton menganggap maklumat seperti ini sebagai sulit dan memberikan maklumat yang kurang tepat.
- Seorang kakitangan kerajaan menyatakan bahawa tiada sesiapa mengambil dengan serius undang-undang yang melarang hadiah dari syarikat-syarikat yang menjalankan bisnis dengan kerajaan, jadi seorang pekerja Eaton menawarkannya tiket ke acara sukan.
- Eaton dikehendaki untuk membekalkan kerajaan dengan produk yang mengandungi peratus tertentu bahagian yang dihasilkan secara tempatan. Eaton mengesahkan bahawa produk-produknya memenuhi peratus ini walaupun ia tidak benar.

Betul

- Undang-undang tempatan dengan tegas melarang pegawai kerajaan dari menerima makanan daripada pembekal. Kakitangan Eaton menghindari dari menawarkan atau memberikan makanan kepada pegawai kerajaan.
- Permintaan kerajaan untuk sebut harga mengkehendaki pengesahan pada banyak subjek, seperti amalan pengupahan dan buruh. Kakitangan Eaton telah mengesahkan setiap butiran sebelum melengkapkan pengesahan tersebut dan memastikan yang mereka mempunyai kuasa yang berpatutan untuk menandatangani pengesahan, jika perlu.
- Sebelum menawarkan bekas kakitangan kerajaan pekerjaan, seorang pengurus Eaton menghubungi Sumber Manusia dan Jabatan Undang-undang untuk mengesahkan yang dia boleh bekerja dengan Eaton secara sah.
- Peraturan perakaunan kerajaan mengkehendaki yang masa yang diambil untuk kontrak kerajaan dicatatkan dan dapat dikesan bagi permintaan untuk bayaran. Tatacara pelaporan yang betul diikuti.

11

Sumbangan Politik

Kita tidak membuat sumbangan bagi pihak Eaton kepada calon-calon atau parti politik, walaupun ianya sah dari segi undang-undang.



Beretika

Eaton tidak membuat sumbangan dananya, harta benda atau perkhidmatan kepada calon-calon politik, walaupun sumbangan sebegitu sah dari segi undang-undang. Ini tidak melarang lawatan oleh pegawai-pegawai yang terpilih ke kemudahan syarikat. Sememangnya, lawatan-lawatan sebegini digalakkan untuk memastikan bahawa pegawai tersebut memahami isu-isu yang dihadapi oleh operasi kita. Ini juga tidak melarang sokongan Eaton akan isu-isu pengundian (seperti cukai sekolah), yang memang sesuatu kepentingan operasi dan kakitangan kita.

Kakitangan individu digalakkan untuk melibatkan diri dalam proses politik dan membuat sumbangan peribadi jika sesuai. Kakitangan tidak boleh mengenakan tekanan ke atas kakitangan lain untuk membuat sumbangan politik atau untuk menyokong sesebuah parti atau calon politik.

Kakitangan yang mengambil pendirian dalam isu-isu awam (kerajaan, perundangan dan lain-lain hal kepentingan awam) tidak boleh bertindak, atau dilihat bertindak, bagi pihak Eaton, kecuali dibenarkan untuk berbuat demikian oleh naib presiden kanan, Hal Ehwal Awam dan Masyarakat Eaton.

Berikut adalah beberapa contoh kegiatan yang dilarang oleh Eaton, dan yang mungkin menyalahi undang-undang:

- Penggunaan kereta syarikat atau lain-lain harta benda Eaton oleh pertubuhan, calon politik atau pekerja mereka berkaitan dengan kempen politik;
- Penggunaan dana Eaton untuk membeli meja dan tempat di majlis makan malam dan acara mengutip derma politik; dan
- Penggunaan nama Eaton dalam risalah politik atau risalah kempen.



Pertanyaan

- P. Bolehkah saya menggunakan kereta syarikat untuk memandu datuk Bandar kami dalam perarakan tahunan kami?**
- J.** Tidak, ia adalah tidak bersesuaian untuk menggunakan kereta syarikat untuk menyokong calon-calon politik.
- P. Saya telah diminta oleh pengurus saya untuk mendermakan wang kepada seorang calon tertentu. Dia meyakinkan saya bahawa tidak wajib untuk menderma, tetapi saya berasa tertekan untuk mematuhi arahnya. Bagaimanakah saya harus menangani masalah ini?**
- J.** Kakitangan Eaton tidak boleh memberi tekanan kepada kakitangan lain untuk menyokong parti atau calon politik. Jika anda tidak selesa bercakap dengan pengurus anda atau pengurus lain tentang perkara ini, hubungi Sumber Manusia atau Jabatan Etika dan Pematuhan.

Contoh

Salah

- Seorang kakitangan Eaton menghadiri majlis makan malam mengutip derma politik dan mengemukakan kos tersebut dalam laporan perbelanjaannya.
- Seorang penyelia mengedar e-mel kepada kakitangan yang melapor secara langsung kepadanya untuk meminta sokongan bagi pakciknya, yang bertanding untuk jawatan politik tempatan. Dia menyuruh mereka untuk menderma kepada kempennya.
- Seorang ahli politik akan bersara dan mengadakan majlis perpisahan, dengan sumbangan yang dikumpulkan digunakan untuk membayar hutangnya dari pilihanraya yang lalu. Eaton membeli semeja untuk dihadiri oleh kakitangannya.
- Seorang pengurus kilang membenarkan seorang ahli politik untuk meletakkan papan tanda kempen di atas harta tanah Eaton.

Betul

- Undang-undang tempatan membenarkan korporasi untuk membuat sumbangan kepada calon-calon politik. Eaton tidak membuat sebarang sumbangan.
- Pegawai-pegawai parti meminta untuk membuat lawatan ke kemudahan Eaton. Pengurus kilang meminta nasihat dari Jabatan Undang-undang atau daripada naib presiden kanan Eaton, Hal Ehwal Awam dan Masyarakat, sebelum memberikan maklum balas kepada permintaan tersebut.
- Pengurus-pengurus Eaton menyokong sesuatu cukai sekolah tempatan, selepas mengesahkan yang ia adalah sah dari sisi undang-undang dan bersesuaian untuk berbuat demikian, menerangkan kepada para pekerja kenapa ia adalah penting untuk Eaton dan masyarakat.
- Seorang pengurus mengkaji semula laporan perbelanjaan dan mendapati satu perbelanjaan dari perhimpunan politik. Pengurus itu tidak menerima laporan tersebut dan berbincang dengan kakitangannya tentang dasar Eaton terhadap sumbangan politik.

12

Alam sekitar, kesihatan dan keselamatan

Kita komited untuk menjadi pemimpin global dalam menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja kita dan melindungi alam sekitar.

Keselamatan pekerja

Kita percaya bahawa keselamatan dan kesihatan pekerja kita adalah sangat penting. Kita berusaha untuk menghindari kemalangan, kecederaan dan penyakit pekerjaan dan menggalakkan gaya hidup yang sihat dan selamat bagi pekerja kita dan keluarga mereka.

Pematuhan

Kita mempunyai struktur pihak berkuasa Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) orang, dasar dan proses, yang direka untuk memastikan pematuhan, amalan EHS yang bertanggungjawab dan pelaporan dan maklum balas kejadian yang proaktif. Struktur ini dikenakan kepada operasi kita dan kepada produk yang kita hasilkan. Kita berusaha untuk memenuhi atau melebihi keperluan kawalatur, selaras dengan komitmen Eaton untuk menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan kepada bisnes kita di seluruh dunia. Kita bekerja untuk mewujudkan budaya “kejadian sifar” dan untuk sentiasa memperbaiki prestasi EHS kita melalui pelaksanaan sistem pengurusan EHS Eaton, yang menubuhkan satu set piawai prestasi EHS untuk semua kemudahan di seluruh dunia. Kita menggunakan pihak ketiga yang berkelayakan dan bebas untuk menilai dan mengesahkan ukuran prestasi EHS kita.

Pegawasan alam sekitar

Komitmen kita terhadap alam sekitar melebihi pematuhan undang-undang dan meliputi beberapa tindakan yang bertujuan untuk mengurangkan kesan alam sekitar kita melalui operasi, produk dan rangkaian bekalan kita. Di dalam operasi kita, komitmen ini mencerminkan usaha kita untuk menghalang pencemaran, mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau dan me-melihara sumber asli – usaha yang telah disepadukan ke dalam komitmen rangkaian bekalan. Kita juga merekabentuk produk kita *untuk* alam sekitar (mempertimbangkan bahan mentah dan kecekapan tenaga, misalnya) dan memasukkan kesan kitaran kehidupan ke dalam rekabentuk mereka. Usaha ini bersama-sama menyokong model bisnes mampan secara keseluruhan Eaton.

Pelanggan, pembekal dan kontraktor

Kita berganding dengan pelanggan, pembekal dan kontraktor kita untuk memastikan pematuhan, menggalakkan keselamatan, mengurangkan kesan alam sekitar kita secara berkumpulan dan memperkembangkan penyelesaian alam sekitar dan cabaran pengurusan kuasa.

Pertanyaan

- P. Kawan karib saya menjalankan trak angkat pada syif saya. Semalam dia dengan tidak sengaja terlanggar satu tong sisa minyak dan menumpahkannya ke atas lantai. Saya membantu dia membersihkannya dan tiada sesiapa yang nampak. Kawan saya telah diberi amaran beberapa kali kerana memandu dengan cuai, dan jika penumpahan itu dilaporkan, dia mungkin kehilangan kerjanya. Apakah yang harus saya buat?**
- J.** Nyatakan kebimbangan anda dan memberitahu dia bahawa penumpahan itu harus dilaporkan. Jika dia tidak berbuat demikian, laporkan penumpahan itu kepada penyelia anda, pengurus EHS tempatan atau Jabatan Undang-undang.
- P. Saya bekerja di kawasan yang memerlukan kasut keselamatan. Pengurus EHS berkata bahawa tiada wang di dalam belanjawan untuk kasut. Apakah yang harus saya buat?**
- J.** Minta bantuan daripada pengurus kilang anda, hubungi EHS Korporat atau Jabatan Undang-undang.
- P. Pembaikan mesin di kemudahan kami adalah dilakukan oleh kontraktor. Saya seorang pengendali mesin dan saya perasan bahawa salah seorang daripada kontraktor kami tidak mengikuti tatacara perlindungan mesin. Haruskah saya berkata sesuatu?**
- J.** Demi keselamatan dirinya sendiri, minta kontraktor tersebut untuk berhenti bekerja. Kemudian laporkan situasi tersebut kepada penyelia anda atau pengurus EHS tempatan.
- P. Kemudahan kami menggunakan pembekal luar tapak untuk melakukan kerja penyaduran. Baru-baru ini, saya melawat tapak mereka dan nampak tumpahan bahan kimia dari kilang mereka mengalir ke dalam sungai yang berdekatan. Kami telah mempunyai hubungan yang lama dan baik dengan pembekal ini. Haruskah saya berkata sesuatu?**
- J.** Ya, tanya pembekal tersebut tentang tumpahan-tumpahan ini dan apa yang mereka lakukan untuk menghentikannya. Laporkannya kepada pengurus EHS tempatan anda dan Jabatan Undang-undang juga untuk memastikan tindakan yang sepatutnya.
- P. Saya telah melihat perilaku di jabatan-jabatan lain di dalam kilang kami yang tidak selamat. Adakah ia hak saya untuk bersuara??**
- J.** Setiap pekerja adalah bertanggungjawab untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat. Laporkan sebarang perilaku yang tidak selamat kepada penyelia anda atau pengurus EHS tempatan.
- P. Mengapakah kita mengikuti piawai keselamatan yang melebihi keperluan tempatan apabila pesaing kita hanya mengikuti keperluan tempatan sahaja?**
- J.** Eaton melindungi pekerja dengan menguatkuasakan satu set piawai alam sekitar global, kesihatan dan keselamatan, walaupun jika piawai-piawai ini kadang-kala melebihi keperluan tempatan.





Contoh

Salah

- Seorang pengendali mesin memutuskan bahawa ia adalah terlalu panas di dalam kilang untuk memakai kaca mata keselamatannya.
- Seorang pengurus memulakan barisan cat yang baru yang mungkin mengeluarkan bahan cemar udara dan sisa air tetapi belum mendapatkan kebenaran kerajaan yang diperlukan atau lesen.
- Untuk memendekkan waktu yang diperlukan untuk melengkapkan tempahan pelanggan, seorang pengendali mesin melompati perlindungan mesin.
- Seorang pengurus kilang tidak meluluskan pembelian sebahagian kelengkapan kawalan pencemaran udara yang diperlukan bagi pematuhan pengeluaran, supaya dia boleh meningkatkan penyata keuntungan kilang.

Betul

- Seorang pengendali mesin yang baru menyertai syarikat. Sebagai sebahagian dari orientasi, dia menerima latihan tentang protokol keselamatan mesin dan kelengkapan perlindungan peribadi yang diperlukan.
- Seorang kakitangan terjatuh dan mencederakan diri sendiri di dalam kilang. Dia memberitahu penyeliaanya, mengikuti proses pelaporan yang diperlukan dan menerima perhatian perubatan.
- Seorang pelanggan melarang bahan kimia yang tertentu dari dimasukkan ke dalam produk atau bungkusan produk mereka. Pasukan produk bekerjasama dengan Kejuruteraan Produk dan Rangkaian Bekalan untuk memastikan bahawa bahan kimia yang dilarang itu tidak dimasukkan ke dalam produk.
- Seorang pengurus kilang memastikan yang tatacara pengurusan perubahan EHS telah diikuti apabila memperkenalkan produk, proses, bahagian kelengkapan atau bahan mentah yang baru ke dalam kilang, untuk memastikan keselamatan kakitangan.

Tanggungjawab anda

Sebagai seorang kakitangan Eaton, anda diharapkan untuk:

- Membaca, mengetahui dan mematuhi Kod Etika;
- Meminta bantuan apabila anda tidak pasti sama ada keputusan atau tindakan anda itu beretika atau betul di sisi undang-undang;
- Menyertai pendidikan dan latihan dalam etika dan pematuhan;
- Memahami yang anda mungkin mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan sebarang kegiatan yang dalam pendapat anda boleh mencabuli Kod Etika
- Bekerjasama dengan wakil-wakil Eaton dalam melancarkan penyiasatan dalaman, dan
- Mengukuhkan tanggungjawab anda untuk mematuhi Kod Etika apabila diminta untuk berbuat demikian.

Sebagai tambahan, jika anda seorang penyelia Eaton, anda dijangka untuk:

- Memimpin dengan teladan, dari segi kata-kata dan juga tindakan;
- Menggalakkan perhubungan terbuka dan jujur dua hala dengan kakitangan anda, dan menggalakkan mereka untuk membangkitkan soalan dan kebimbangan mengenai isu-isu etika dan, memberitahu mereka apabila sesuatu isu itu telah diselesaikan;
- Mengiktirafkan dan menyokong mana-mana kakitangan yang datang untuk membincangkan sesuatu isu atau melaporkan sebarang kemungkinan pencabulan dan memastikan tidak ada tindakbalas terhadapnya kerana berbuat demikian;
- Memastikan yang rancangan tindakan untuk menangani risiko pematuhan dilaksanakan dengan segera;
- Menggalakkan dasar-dasar dan tatacara Eaton yang direkabentuk untuk menghalang dan megasan perilaku tidak beretika dan salah di sisi undang-undang.
- Memastikan bahawa kakitangan dilatih dan dimaklumkan tentang dasar-dasar, tatacara dan etika dan risiko pematuhan yang dikenakan kepada jawatan mereka; dan
- Mengesahkan setiap tahun bahawa orang yang melapor secara langsung telah melengkapkan latihan etika.

Kakitangan yang mencabuli Kod Etika

Para pekerja yang gagal untuk mematuhi Kod Etika mungkin dikenakan disiplin, termasuk dipecat.

Pencabulan termasuk:

- Tindakan yang mencabuli Kod,
- Menyuruh orang lain mencabuli Kod,
- Gagal untuk bekerjasama dalam penyiasatan yang dijalankan oleh wakil-wakil Eaton,
- Bertindakbalas terhadap seorang pekerja yang dengan tujuan baik melaporkan sesuatu pencabulan atau pencabulan yang disyaki, atau untuk bantuan dengan penyiasatan; dan
- Menyembunyikan atau kegagalan untuk melaporkan sebarang kegiatan yang dalam pendapat anda telah mencabuli Kod Etika.

Apa yang dirasakan sebagai tekanan daripada penyelia atau tuntutan akibat keadaan bisnes bukan alasan untuk anda tidak mematuhi Kod Etika.



Pertanyaan

- P.** Saya rasa mungkin terdapat masalah kualiti di kilang saya, tapi saya tidak pasti faktanya atau jika ia sesuatu isu etika. Adakah saya masih perlu megemukakan isu ini?
- J.** Kita mengharapkan anda untuk melaporkan perkara seperti ini kepada penyelia anda, supaya dia boleh memperbetulkan situasi ini sebelum ia menjadi serius. Anda tidak perlu menyiasat atau mengetahui semua faktanya. Kita cuma meminta yang anda mempunyai niat yang baik dan jujur. Dalam kebanyakan kes, penyelia anda boleh membantu anda memahami kesemua fakta atau akan bekerjasama dengan anda untuk menangani isu-isu ini.

Contoh

Salah

- Seorang penyelia mendapati bahawa seorang pekerja telah memalsukan akaun perbelanjaannya dan tidak mengambil tindakan.

Betul

- Seorang pengurus berjumpa dengan seorang pekerja untuk berterima kasih kepadanya kerana memberitahu tentang isu kualiti yang serius, menyelamatkan syarikat dari kemungkinan tanggungan dan kehilangan reputasi.

Mendapatkan bantuan

Dalam pasaran global sekarang, adalah sukar untuk mengejar cabaran-cabaran baru yang dihadapi oleh organisasi kita atau untuk menangani semua situasi yang rumit. Tiada sesiapa pun mempunyai semua jawapannya. Tetapi kita tahu bahawa jawapan yang terbaik akan bertukar dalam sesebuah pertubuhan yang komited untuk mempertahankan etika dan nilai-nilainya dan mewujudkan suatu persekitaran yang menyokong perilaku yang baik dari segi etika. Jangan berlengah untuk bertanyakan soalan, bangkitkan kebimbangan atau laporkan perilaku atau amalan bisnes yang mencurigakan.



Keputusan etika yang baik bukan selalunya jelas. Jawapannya bukan selalunya nyata atau senang. Apa kata kalau anda berhadapan dengan suatu pilihan yang sukar? Untuk membantu anda membuat keputusan anda, kami mencadangkan anda kaji semula Kod Etika dan panduan ini, dan kemudian tanyalah diri anda tiga soalan berikut:

- Adakah saya akan berasa selesa apabila menjelaskan tindakan saya kepada penyelia saya?
- Adakah saya akan berasa bangga apabila memberitahu keluarga dan kawan-kawan saya mengenai tindakan saya?
- Adakah saya akan berasa selesa sekiranya tindakan saya dilaporkan dalam media?

Jika anda masih ragu-ragu, bincangkan perkara ini dengan penyelia anda. Biasanya dia merupakan sumber terbaik anda dan paling biasa dengan tanggungjawab harian anda. Jika anda tidak selesa membangkitkan perkara ini dengan penyelia anda, atau jika anda menimbulkan sesuatu perkara dan isu ini tidak diselesaikan, berikut adalah beberapa sumber yang tersedia untuk anda:

- Seorang pengurus lain di dalam organisasi, rantau atau sektor anda;
- Sumber Manusia atau Ombuds (terutamanya dengan isu-isu tempat kerja seperti pampasan, manfaat, disiplin atau kenaikan pangkat);
- Pengurus-pengurus tapak atau fungsi (seperti Kualiti atau Rangkaian Bekalan);
- Jabatan Undang-undang; dan
- Jabatan Etika dan Pematuhan.

Bagaimana untuk menghubungi Jabatan Etika dan Pematuhan

Tertakluk kepada undang-undang tempatan, sesiapa sahaja boleh secara terbuka atau sulit menanyakan sesuatu soalan atau melaporkan sebarang hal berkaitan dengan etika atau sebarang pencabulan undang-undang yang berlaku atau mungkin berlaku, termasuk mana-mana hal perakaunan, kewangan, cukai atau menentang rasuah, kepada Jabatan Etika dan Pematuhan dengan mana-mana cara yang berikut:

- **Surat kiriman** – Hantar surat kepada:
Naib presiden, Etika dan Pematuhan
Eaton Corporation
111 Superior Ave.
Cleveland, Ohio 44114 USA
- **E-mel** – Hantar e-mel kepada Ethics@eaton.com atau gunakan borang lelamen web yang boleh didapati pada lelamen web Etika Global yang boleh dicapai melalui JOE (intranet Eaton) atau di lelamen web luar Eaton.
- **Telefon** – Hubungi Talian Bantuan Keutuhan Etika dan Kewangan dengan mendail 800.433.2774 dari AS dan Kanada. Dari negara-negara lain, dail nombor yang telah disenaraikan di dalam poster Etika tempatan anda atau di lelamen web Etika Global di JOE. Talian Bantuan ini adalah bebas tol, dan seorang wakil yang fasih dalam berbilang bahasa sentiasa ada 24 jam sehari 7 hari seminggu.
- **Sokongan berbilang bahasa** – Jika anda ingin, anda boleh menggunakan bahasa ibunda anda untuk menulis keprihatinan anda kepada salah satu alamat ini, dan kami akan menterjemahkan surat atau e-mel anda.

Apakah yang diharapkan apabila anda menghubungi Jabatan Etika dan Pematuhan

Apa sahaja cara yang anda pilih untuk mengemukakan laporan, kebimbangan atau soalan anda, ini adalah apa yang boleh anda harapkan:

- Laporan, kebimbangan dan soalan anda akan diberi perhatian berat dan akan dikendalikan dengan cepat, tanpa heboh dan dengan sikap profesional.
- Perkhidmatan penterjemahan akan disediakan jika anda memerlukannya.
- Sebarang laporan atau kebimbangan yang anda laporkan akan diasiasi atau, jika bersesuaian, dirujuk kepada Sumber Manusia atau saluran sumber dalaman yang lain untuk maklum balas dan susulan. Siasatan akan dijalankan dengan segera.
- Identiti anda akan dirahsiakan setakat mana yang mungkin semasa membenarkan penyiasatan yang wajar dijalankan.
- Maklumat yang berkaitan dengan laporan dan penyiasatan akan dikekalkan mengikut undang-undang yang ada dan hanya diberikan kepada individu yang perlu mengetahui maklumat tersebut.
- Di atas pilihan anda dan tertakluk kepada undang-undang tempatan, anda boleh merahsiakan nama anda. Jika anda menggunakan merahsiakan nama anda, lokasi dan nombor telefon anda tidak boleh di kenalpasti atau kesan. Ia akan menjadikannya lebih sukar bagi kami untuk menyiasat tuduhan tersebut dan menangani semua kebimbangan anda.
- Sebarang pencabulan atau perilaku yang salah, jika ada bukti, akan diselesaikan menerusi tindakan yang segera dan betul. Jika bersesuaian dan kami mempunyai maklumat perhubungan anda, kami akan memberitahu anda penyelesaian terakhirnya.

Tindakan balas dilarang



Eaton tidak akan membenarkan sebarang tindakbalas terhadap atau tindakan disiplin terhadap kakitangan yang dengan tujuan baik membangkitkan kebimbangan, membuat laporan atau membantu penyiasatan sesuatu laporan. Mana-mana kakitangan yang bertindakbalas terhadap kakitangan yang lain kerana membuat laporan atau membantu penyiasatan boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk pelucutan jawatan. Jika anda fikir ada perbuatan tindakbalas terhadap anda kerana membuat sesuatu laporan atau membantu penyiasatan etika, hubungi penyelia anda, Sumber Manusia atau naib presiden, Etika dan Pematuhan dengan segera. Mana-mana pekerja dengan niat yang jahat menggunakan Talian Bantuan untuk melaporkan maklumat yang palsu boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk pelucutan jawatan.

Pertanyaan

- P. Kod kita menyatakan bahawa pekerja tidak akan diambil tindakan balasan kerana membuat sesuatu laporan dengan tujuan baik. Apakah maksudnya tujuan baik?**
- J.** Pekerja bertindak dengan tujuan baik apabila mereka percaya bahawa mereka memberikan maklumat yang benar apabila mereka membuat laporan mereka. Dalam erti kata lain, mereka mempunyai niat yang baik dan jujur. Ia tidak bermaksud yang mereka mesti betul. Jika anda tidak pasti sama ada anda harus membuat sesuatu laporan, tanya penyelia anda atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk mendapatkan bantuan.
- P. Saya khuatir ada orang akan menggunakan Talian Bantuan untuk membuat tuduhan palsu terhadap saya. Mengapakah kita harus mengambil berat terhadap laporan yang tidak bernama??**
- J.** Semua laporan yang dibuat menerusi Talian Bantuan akan diambil berat. Para pekerja memerlukan sesuatu sumber yang boleh dipercayai untuk waktu-waktu bila mereka tidak selesa mengenalkan diri mereka, seperti apabila perkara tersebut melibatkan penyelia mereka. Walau bagaimanapun, manamana pekerja yang menggunakan Talian Bantuan dengan niat jahat untuk melaporkan maklumat palsu boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk pelucutan jawatan.
- P. Saya telah melaporkan sesuatu isu yang serius kepada Jabatan Etika dan Pematuhan, tetapi tiada sesiapa yang menghubungi saya tentang apa yang telah berlaku. Mengapa?**
- J.** Jika anda membuat laporan anda secara sulit, kami mungkin tidak tahu bagaimana untuk menghubungi anda. Jika kami dapat menghubungi anda, apa yang dapat kami kongsi dengan anda tentang keputusannya mungkin terhad kerana privasi atau pertimbangan kerahsiaan yang lain. Jika ia adalah penting bagi anda, telefon Talian Bantuan untuk bertanya sama ada perkara tersebut telahpun diselesaikan.
- P. Jika saya mempunyai kebimbangan, haruskah saya mengemukakannya dengan penyelia saya atau pengurus lain sebelum saya menelefon Talian Bantuan atau menghubungi Pejabat Etika dan Pematuhan?**
- J.** Sebaik-baiknya, penyelia anda atau pengurus tempatan yang lain berada di dalam kedudukan yang paling baik untuk membantu anda dengan kebimbangan anda. Walau bagaimanapun, anda tidak dikehendaki untuk berbincang dengan penyelia anda terlebih dahulu atau mengikuti sesuatu rantai arahan sebelum anda menggunakan Talian Bantuan atau menghubungi Jabatan Etika dan Pematuhan.



Maklumat khusus kepada negara

Sepanjang panduan ini kita telah merujuk kepada Talian Bantuan sebagai satu dari beberapa sumber yang anda boleh gunakan untuk mendapatkan nasihat atau melaporkan perilaku yang salah atau situasi-situasi lain yang mungkin mencabuli undang-undang atau Kod Etika kita atau yang mungkin bercanggah dengan nilai-nilai kita. Anda tidak dikehendaki untuk menggunakan Talian Bantuan untuk melaporkan kebimbangan anda.

Sebenarnya, sesetengah undang-undang tempatan menghadkan isu-isu yang boleh dilaporkan melalui Talian Bantuan kepada kewangan, perakaunan, perbankan, menentang rasuah dan hal-hal berat yang lain; anda juga mungkin dikehendaki untuk mengenalkan diri anda kepada wakil Talian Bantuan. Jika undang-undang ini dikenakan kepada anda, satu notis yang khusus kepada negara telah diselitkan bersama panduan ini. Semua rujukan terhadap penggunaan Talian Bantuan di dalam panduan ini dan komunikasi yang berkaitan adalah tertakluk kepada sekatan yang telah diterangkan di dalam notis tersebut. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pengurus Sumber Manusia tempatan anda atau Jabatan Etika dan Pematuhan untuk penjelasan.

Jabatan Etika dan Pematuhan Global

Untuk menunjukkan bahawa piawai etika Eaton adalah semasa dan di peringkat tertinggi Eaton telah menubuhkan sebuah jabatan untuk menyelia dan menguruskan program etika dan pematuhannya. Jabatan ini adalah di bawah arahan naib presiden, Etika dan Pematuhan, dengan penyeliaan utama oleh Jawatankuasa Pihak Berkuasa Lembaga Pengarah. Jabatan ini bergantung kepada komitmen dan sokongan daripada semua pekerja, pengurus dan pemimpin kanan untuk memastikan yang etika dan nilai-nilai Eaton disepadukan ke dalam amalan-amalan bisnesnya pada dasar yang selaras di seluruh negara.



Di antara kegiatan-kegiatan dan tanggungjawab jabatan ini adalah:

- Menyokong para pengurus dalam memberikan latihan etika dan komunikasi yang berkesan, berkenaan dan bertimbang rasa kepada pekerja;
- Memberikan dan menyelia latihan pematuhan dan komunikasi;
- Secara kerap menilai dan mengutamakan risiko ketidakpatuhan dengan undang-undang dan dasar-dasar Eaton dan memantau kegiatan-kegiatan untuk mengawal risiko-risiko ini;
- Memantau dan mengaudit program etika dan pematuhan dan sekali-sekala menilai keberkesanan program tersebut;
- Menguruskan dan menjejaki isu-isu etika dan pematuhan dan melaporkan tentang ukuran-ukuran penting;
- Menawarkan bimbingan di sekitar isu-isu dan keutamaan yang baru;
- Menyediakan saluran laporan yang sulit dan rahsia bagi pekerja dan pihak ketiga untuk membangkitkan kebimbangan dan untuk melaporkan perilaku yang salah dan pencabulan undang-undang, dasar atau Kod Etika;
- Menguruskan laporan melalui Talian Bantuan;
- Menyelia penyiasatan etika dan mengubah program etika dan pematuhan jika perlu; dan
- Berjumpa dengan kerap dengan Jawatankuasa Audit dan Pihak Berkuasa Lembaga Pengarah untuk melaporkan tentang isu-isu etika dan pematuhan dan status program ini.

Bagaimana untuk menghubungi Jabatan Etika dan Pematuhan

Tertakluk kepada undang-undang tempatan, sesiapa sahaja boleh secara terbuka atau sulit menanyakan sesuatu soalan atau melaporkan sebarang hal berkaitan dengan etika atau sebarang pencabulan undang-undang yang berlaku atau mungkin berlaku, termasuk mana-mana hal perakaunan, kewangan, cukai atau menentang rasuah, kepada Jabatan Etika dan Pematuhan dengan mana-mana cara yang berikut:

- **Surat kiriman:**
Naib presiden, Etika dan Pematuhan
Eaton Corporation
1111 Superior Ave.
Cleveland, Ohio 44114 USA
- **E-Mel:** Ethics@eaton.com
- **Dalam talian:** www.eaton.com/ethics
- **Telefon:** Talian Bantuan adalah bebas tol, dan wakil-wakil adalah tersedia 24 jam sehari dan 7 hari seminggu. Jika negara anda tidak disenaraikan di sini (atau anda mengalami masalah dengan nombor-nombor berikut) sila rujuk kepada poster etika tempatan anda atau laman web Etika Global yang boleh dicapai melalui JOE.

Austria*	0800.295.342
Brazil	0800.891.4212
Kanada	800.433.2774
China (Unicom)	10.800.711.1122
China (China Telecom)	10.800.110.1046
Republik Czech*	800.143.861
Republik Dominica*	800.320.0821
Negara Jerman*	0800.181.9146
India	000.800.100.1499
Itali	800.789343
Mexico	001.888.667.6799
Netherlands*	0800.022.2042
Poland*	0.0.800.111.1664
Taiwan*	00801.10.4366
United Kingdom	0808.234.9987
Amerika Syarikat	800.433.2774

*Perkhidmatan telefon bimbit mungkin tidak dapat disambungkan.

Jika anda mengalami masalah, sila dail dengan menggunakan talian darat.

EATON

Powering Business Worldwide



MIX
Paper from
responsible sources
FSC® C003197